






LEMBAGA PELABUHAN BINTULU



**LAPORAN
TAHUNAN
2019**



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU



2	PROFIL KORPORAT
4	VISI DAN MISI KORPORAT
6	AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH
7	PENGURUSAN
8	STRUKTUR ORGANISASI
10	PERUTUSAN PENERUSI
13	PENCAPAIAN PRESTASI
14	STATISTIK
16	PRESTASI KESELURUHAN PELABUHAN BINTULU
20	PEMBANGUNAN MODAL INSAN
21	KEBAJIKAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL
22	PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR
23	PROSPEK
24	DIARI KORPORAT LPB 2019
37	PENYATA KEWANGAN
79	KANDUNGAN - LEMBAGA PELABUHAN LABUAN

PROFIL KORPORAT





LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

Pada 15hb Ogos 1981, Lembaga Pelabuhan Bintulu ditubuhkan di bawah Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981. Ia juga merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia. Pembangunan pentadbiran, pemasaran dan pembekal perkhidmatan pelabuhan merupakan skop terbesar untuk menjadikan Pelabuhan Bintulu sebagai pusat pengangkutan dan pengedaran yang efektif dan efisien di rangkaian BIMP-EAGA. Pelabuhan Bintulu telah mula beroperasi pada 1hb Januari 1983.

Kedudukan laluan yang strategik di antara Timur Jauh dengan Eropah merupakan kelebihan kepada Lembaga Pelabuhan Bintulu sebagai pelabuhan antarabangsa. Ianya juga merupakan laluan utama eksport Gas Asli Cecair (LNG) dari Malaysia. Di samping itu, Pelabuhan Bintulu juga menawarkan fasiliti dan peralatan yang moden serta canggih untuk pengendalian kontena, kargo pukal cair dan kering serta kargo am.

Mulai 1 Januari 1993, operasi perkhidmatan Pelabuhan Bintulu telah diswastakan di bawah Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1990 sejajar dengan Dasar Penswastaan Kebangsaan. Dengan penswastaan tersebut, sebuah syarikat operasi pelabuhan iaitu syarikat Bintulu Port Sdn. Bhd. telah dilesenkan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu bagi menjalankan operasi perkhidmatan pelabuhan. Syarikat Bintulu Port Sdn. Bhd. ditubuhkan pada 23hb Disember 1992 dan memulakan operasinya pada 1hb Januari 1993.

Berikutan penswastaan operasi Pelabuhan Bintulu pada tahun 1993, peranan dan fungsi-fungsi utama Lembaga Pelabuhan Bintulu telah disusun semula agar sejajar dengan fungsi utamanya sebagai Badan Kawalselia. Dengan ini Lembaga Pelabuhan Bintulu telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan fungsi kawalselia dalam mengawasi segala aktiviti pelabuhan termasuk penggunaan kemudahan dan operasi pelabuhan oleh pengendali pelabuhan berlesen yang bertindak sebagai pemilik kepada aset hartanah, fasilitator perdagangan, perancang dan pembangunan pelabuhan. Lembaga Pelabuhan Bintulu juga akan bertanggungjawab untuk memastikan dan mengawasi keselamatan operasi pelabuhan.

VISI DAN MISI KORPORAT

VISI

Sebagai Pihak Berkuasa dan Badan Kawalselia Pelabuhan, visi LPB adalah untuk menjadikan Pelabuhan Bintulu sebagai pelabuhan yang paling efisien, selamat dan berdaya saing di rantau ini. Untuk merealisasikan visi tersebut, LPB telah merangka misi berikut:

MISI

- Memastikan pengendalian operasi pelabuhan oleh pihak swasta berjalan dengan lancar;
- Memastikan pengguna pelabuhan mendapat perkhidmatan yang berkualiti setanding dengan pelabuhan-pelabuhan utama di rantau ini;
- Mengambil tindakan segera terhadap aduan dan mengambil kira pandangan orang awam mengenai perkhidmatan dan kemudahan di pelabuhan;
- Melahirkan tenaga kerja professional, mahir dan terlatih untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan produktiviti;
- Memastikan pengguna pelabuhan mematuhi segala garis panduan pelabuhan dan menjalankan kerja-kerja pengendalian mengikut perundangan dan peraturan LPB;
- Memajukan dan menggalakkan perkembangan, pembangunan dan infrastruktur pelabuhan untuk kemudahan penggunaannya; dan
- Mewujudkan kemudahan pelabuhan yang lengkap dan termoden dalam pengendalian gas asli cecair (LNG) serta berusaha menjadikan Pelabuhan Bintulu sebagai pelabuhan utama dalam bidang tersebut di pasaran dunia.

OBJEKTIF

- Menjalankan aktiviti pengawalseliaan perkhidmatan pelabuhan yang berkualiti dan mampu berdaya saing setanding dengan pelabuhan-pelabuhan utama di rantau ini;
- Memastikan sistem penyampaian perkhidmatan pelabuhan menepati kehendak pelanggan; dan
- Memastikan pembangunan infrastruktur selari dengan kehendak pengguna dari masa ke semasa.



AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH

PENGERUSI



1 YB Dr. John Brian Anthony Anak Jeremy Guang
Ahli Bebas
(mula 4 Oktober 2018 hingga 03 Oktober 2020)

2 YBhg Dato' Hj Baharin bin Dato' Abdul Hamid
(mula 24 Mei 2018 hingga 25 Mei 2019)

3 Y.Bhg. Datu Haji Ismawi bin Haji Ismuni
Wakil Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak
(mula 1 Disember 2018 hingga 30 November 2019)

4 Tuan Zulkurnain bin Ayub
Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Bintulu

5 Puan Rodziah bt Haji Morshidi
Pengurus Besar Lembaga Kemajuan Bintulu
(mula 15 Januari 2016 hingga 2 Mei 2020)

6 Puan Suhara bt Salleh
Timbalan Pengarah Belanjawan,
Kementerian Kewangan Malaysia
(mula 13 Julai 2018 hingga 12 Julai 2019)

7 Encik Suhaili bin Kifli
(mula 9 Mac 2018 hingga 8 Mac 2019)

8 Encik Pang Leong Ming
(mula 13 Mei 2018 hingga 12 Mei 2019)

AHLI-AHLI LEMBAGA



PENGURUS BESAR

Tuan Zulkurnain Bin Ayub

PENOLONG PENGURUS BESAR (OPERASI)

Kapt. Zakhir Khan bin Yusop

PENOLONG PENGURUS BESAR (KORPORAT)

Anuar bin Aikne

PENGURUS PENTADBIRAN, KEWANGAN DAN ASET

Hida binti Jerman

PENGURUS UNDANG-UNDANG

Norkartiny Nawawi

AKAUNTAN KANAN

Rajunawati binti Abdul Rajid

PENGURUS SUMBER MANUSIA

Khatizah binti Hanapi

PENGURUS KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR

Zuraidah binti Mohd Rais

PENGURUS KOMERSIAL DAN PERANCANGAN

Khartina binti Abu Bakar

PENGURUS KESELAMATAN DAN KEBOMBAAN

Awang Jahmari bin Awang Junaidi

PENGURUS OPERASI

Mohd Yoshikatriezan bin Abeng

PENGURUS KEJURUTERAAN

Abang Afzanizam Syam bin Abang Junaidi

PEGAWAI KESELAMATAN KANAN

Dzulkarnain Abbas Abdullah

AKAUNTAN (KEWANGAN)

Siti Aida Supinah binti Karim


PEGAWAI TEKNOLOGI MAKLUMAT


Azmat bin Annuar

JURUAUDIT DALAM

Hamisah binti Tahir

STRUKTUR ORGANISASI







Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya dengan sukacitanya membentangkan Laporan Tahunan dan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019.

Dr. John Brian Anthony Anak Jeremy Guang
Pengerusi
Lembaga Pelabuhan Bintulu

Pada tahun 2019, ekonomi Malaysia mencatatkan pertumbuhan pada 4.3 peratus dan ia adalah di bawah unjuran kerajaan iaitu sebanyak 4.7 peratus. Pertumbuhan ini dikatakan kadar yang paling rendah dalam satu dekad disebabkan pengeluaran kelapa sawit, minyak mentah dan gas asli yang jauh lebih rendah, dan kejatuhan eksport akibat perang perdagangan Amerika Syarikat-China.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2019 disokong oleh perbelanjaan sektor swasta yang berdaya tahan, yang telah berkembang sebanyak 6.2%, dalam persekitaran luaran yang mencabar. Khususnya, perbelanjaan isi rumah kekal kukuh dan memberikan sokongan kepada pertumbuhan keseluruhan. Walau bagaimanapun, seiring dengan kebanyakan ekonomi yang sedang pesat membangun, keadaan permintaan luaran yang lebih lemah

mempengaruhi eksport dan aktiviti pelaburan Malaysia. Hal ini telah memberi kesan kepada industri pelabuhan Malaysia di mana pada tahun ini telah menyaksikan penurunan pengendalian kargo-kargo utama.

Prestasi pengendalian kargo di Pelabuhan Bintulu pada tahun 2019 telah mencatatkan peningkatan sebanyak 2.4% dengan pengendalian kargo sebanyak 45.19 juta tan berbanding 44.12 juta tan pada tahun 2018. Peningkatan pengendalian kargo pada 2019 disumbang oleh kargo pukal cecair terutamanya kargo Gas Asli Cecair (LNG) dimana telah mencatat peningkatan sebanyak 7.3%, iaitu dari 23.68 juta tan pada tahun 2018 kepada 25.42 juta tan pada tahun 2019. Selain daripada Gas Cecair Asli (LNG), antara kargo-kargo lain yang turut menunjukkan peningkatan adalah eksport bahan minyak mentah dan bahan produk kelapa sawit.

Kendalian kontena pada tahun 2019 di Pelabuhan Bintulu telah menunjukkan penurunan daripada 349,792 Twenty-Foot Equivalent Units (TEUs) pada tahun 2018 kepada 345,564 TEUs pada tahun 2019 iaitu penurunan sebanyak 1.2%. Penyumbang kepada penurunan kendalian kontena ini adalah disebabkan oleh pengurangan bilangan kontena pindah kapal serta pengurangan import terutamanya import bagi hasil produk baja.

LPB telah mencatatkan prestasi kewangan yang baik untuk tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019. LPB telah memperolehi pendapatan sebanyak RM187.80 juta berbanding RM177.15 juta bagi tahun 2018 iaitu peningkatan sebanyak 6.01%. Peningkatan ini disebabkan peningkatan dalam pendapatan sewa pajakan tanah dan fasiliti. Perbelanjaan LPB bagi tahun 2019 menunjukkan peningkatan pada kadar 5.50% iaitu sebanyak RM83.38 juta berbanding RM79.03 juta pada tahun 2018. Peningkatan ini adalah disebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan perkhidmatan dan bekalan iaitu 14.49% daripada RM24.78 juta pada tahun 2018 kepada RM28.37 juta pada tahun 2019 disebabkan peningkatan jumlah pembayaran untuk perkhidmatan perundangan dan auditan dan peningkatan dalam perbelanjaan pemberian dan kenaaan bayaran tetap. LPB masih mencatatkan keuntungan selepas cukai sebanyak RM79.88 juta berbanding RM75.04 juta pada tahun sebelumnya.

Pihak pengurusan LPB terus berusaha untuk memastikan perancangan dan pembangunan modal insan dilaksanakan bagi melahirkan kakitangan yang profesional, kompeten, berintegriti, berdaya saing dan berprestasi tinggi sejajar dengan visi Pelabuhan Bintulu untuk menjadikan Pelabuhan Bintulu sebuah pelabuhan yang terunggul di rantau ini. Kakitangan yang kompeten dan berkelayakan adalah penting untuk memastikan LPB dapat melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan dalam memastikan kelancaran pengurusan dan operasi Pelabuhan Bintulu.

Pada tahun 2019, jumlah kakitangan LPB adalah seramai 86 orang kakitangan tetap yang terdiri daripada 29 orang dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 57 orang

dalam kumpulan Pelaksana. Selain daripada kakitangan tetap, LPB turut melantik sebanyak 41 orang kakitangan kontrak bagi membantu melancarkan lagi pengurusan dan operasi Pelabuhan Bintulu. Pertambahan kakitangan yang berkelayakan ini adalah perlu bagi memastikan fungsi LPB dilaksanakan dengan cekap dan efisien.

LPB pada tahun ini meneruskan tanggungjawab sosial korporatnya kepada masyarakat terutamanya golongan yang memerlukan di sekitar Bintulu. Antara aktiviti yang dilaksanakan adalah Majlis Amal “Kunjungan Penyayang LPB” dimana ia adalah program sumbangan khas bersempena bulan Ramadhan dan Hari Gawai kepada golongan Asnaf dan kurang berkemampuan. LPB turut menyumbang peralatan mengajar kepada sekolah-sekolah di sekitar Bintulu. Di samping itu, LPB juga telah menaja 20th Cleft Lip and Palate Charity Project yang dilaksanakan oleh Columbia Asia Bintulu bagi membantu pembedahan kanak-kanak sumbing bibir.

LPB sentiasa berusaha menambahbaik urusan dan pengendalian operasi harian dengan menambahbaik dan meningkatkan daya saing pelabuhan. Demi mencapai ke arah penambahbaikan berterusan tersebut, pelbagai usaha telah dilaksanakan antaranya hasrat menjadikan Pelabuhan Bintulu sebagai sebuah pelabuhan hijau pintar (Smart Digital Green Port) pertama di Malaysia. Audit keselamatan secara berterusan turut dilaksanakan ke atas kemudahan pelabuhan, kapal dan amalan operasi untuk memastikan tahap pematuhan yang tinggi di kalangan pengendali dan pengguna pelabuhan. Hal ini penting untuk mengenalpasti masalah-masalah dan langkah-langkah yang perlu diambil untuk mencegah dan menangani masalah yang boleh mempengaruhi operasi pelabuhan.

LPB sentiasa berusaha menambahbaik urusan dan pengendalian operasi harian dengan menambahbaik dan meningkatkan daya saing pelabuhan.

PERUTUSAN PENERUSA

Dalam usaha LPB mengekalkan pematuhan “Statement of Compliance ISPS Code, ISO 28000:2007 Security Management System” serta memastikan tahap keselamatan Pelabuhan Bintulu terjamin, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan pada 2019 ini. Antara program yang telah dilaksanakan adalah Bengkel Penyediaan Latihan EX-ISPS Code 2019 pada 28 November 2019. Bahagian Keselamatan, Kesihatan Dan Alam Sekitar turut mengadakan Program Conservation of Dolphins in Sarawak bersama orang awam, ketua-ketua kaum, persatuan nelayan dan pelajar sekolah.

Memenuhi keperluan pengguna merupakan matlamat utama Lembaga Pelabuhan Bintulu, dengan itu saban tahun pembangunan dan penambahbaikan infrastruktur pelabuhan terus dilaksanakan. Pembangunan berterusan yang dijalankan oleh LPB dan juga Bintulu Port Sdn. Bhd. akan dapat memastikan Pelabuhan Bintulu terus mengekalkan dan meningkatkan lagi prestasi operasi pelabuhan dalam memenuhi kehendak pelanggan semasa mahupun pelanggan yang akan datang. Persekitaran ekonomi global pada masa akan datang pasti akan memberi kesan kepada negara terutamanya dari segi eksport. Sebagai pelabuhan yang berorientasikan eksport, Pelabuhan Bintulu dijangka akan turut merasa kesannya. Bagaimanapun dengan usaha untuk meneroka opsyen lain dan juga perkembangan sektor domestik berupaya mengawal impak tersebut.

Pembangunan pesat sektor perindustrian di kawasan Sarawak Corridor of Renewal Energy (SCORE) di Samalaju, permintaan tinggi negara pengimport untuk produk tempatan terutamanya minyak sawit, rancangan pembangunan baru dan usaha untuk menjadikan Pelabuhan Bintulu Hub LNG Serantau pasti boleh



meningkatkan permintaan perkhidmatan kendalian kargo melalui Pelabuhan Bintulu. Perkembangan ini dijangka dapat mendorong serta memberi impak yang positif kepada Pelabuhan Bintulu pada masa yang akan datang.

Bagi pihak Lembaga Pengarah, saya ingin mengambil kesempatan ini merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Kerajaan Pusat dan Negeri, badan-badan dan agensi-agensi kerajaan yang berkaitan, syarikat pengendali pelabuhan serta pengguna pelabuhan yang lain atas kerjasama dan sokongan dalam memastikan kejayaan Pelabuhan Bintulu. Sekalung penghargaan juga ditujukan kepada pengurusan dan kakitangan Lembaga Pelabuhan Bintulu yang menjadi tulang belakang dan bertanggungjawab memegang amanah dalam memastikan Pelabuhan Bintulu terus membangun dan mencapai kecemerlangan yang lebih tinggi di masa hadapan.


Dr. John Brian Anthony Anak Jeremy Guang
Pengerusi
Lembaga Pelabuhan Bintulu

BUTIRAN	2018	2019	PENCAPAIAN % +(-)
OPERASI			
1. Jumlah Kargo Yang Dikendalikan (FWT)	44,121,750	45,196,776	2.4
2. Jumlah Kontena Dikendalikan (TEUs)	349,792	345,564	-1.2
3. Bilangan Singgahan Kapal	7,775	7,740	-0.5
4. Jumlah Kargo Export (FWT)	37,848,288	40,247,956	6.34
5. Jumlah Kargo Import (FWT)	6,273,461	4,948,820	-21.11
KEWANGAN			
1. Aset Semasa	462,096,883	555,087,645	20.1
2. Liabiliti Semasa	54,150,574	58,866,617	8.7
3. Aset Semasa Bersih	1,918,802,311	2,004,193,565	4.4
4. Jumlah Pendapatan	177,145,475	187,797,945	6.01
5. Jumlah Perbelanjaan	79,033,460	83,384,179	5.5
6. Keuntungan/Kerugian Sebelum Cukai	98,112,015	104,413,766	6.4
7. Cukai Tahun Semasa	23,073,949	24,530,641	6.3
8. Keuntungan Selepas Cukai	75,038,066	79,883,125	6.4




STATISTIK


Pengendalian Kargo (Juta Tan)






Pengendalian Kargo Ekspor (Juta Tan)



Pengendalian Kargo Import (Juta Tan)






PRESTASI KESELURUHAN PELABUHAN BINTULU

Secara keseluruhannya, prestasi Pelabuhan Bintulu telah mencatat peningkatan sebanyak 2.4% iaitu 45.19 juta tan kargo yang telah dikendalikan di Pelabuhan Bintulu pada tahun 2019 berbanding sebanyak 44.12 juta tan pada tahun 2018.

Prestasi pengendalian kontena Pelabuhan Bintulu telah mencatat penurunan daripada 349,792 Twenty-Foot Equivalent Units (TEUs) pada tahun 2018 kepada 345,564 TEUs pada tahun 2019 iaitu penurunan sebanyak 1.2%. Prestasi singgahan kapal turut mencatatkan penurunan daripada 7,775 singgahan pada tahun 2018 kepada 7,740 singgahan pada tahun 2019 iaitu penurunan sebanyak 0.4%.

Pengendalian Kargo



JENIS KARGO	2018	2019	% +(-)
GAS ASLI CECAIR	23.70	25.42	7.3
KARGO CECAIR LAIN	9.77	10.34	5.87
KARGO PUKAL KERING	3.65	2.94	-19.3
KARGO PUKAL	0.74	0.71	-4.66
KONTENA	5.72	5.48	-4.20
BALAK	0.50	0.28	-44.55
JUMLAH (JUTA TAN)	44.12	45.19	2.4

Pelabuhan Bintulu telah mencatatkan sejumlah 45.19 juta tan kargo sepanjang tahun 2019, peningkatan sebanyak 2.4% berbanding 44.12 juta tan yang dicatatkan pada tahun 2018. Kargo yang telah menyumbang kepada peningkatan ini adalah Gas Asli Cecair (LNG) dengan mencatatkan sejumlah 25.42 juta tan pada tahun 2019 berbanding 23.70 juta tan pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 7.3%.


Kargo cecair lain turut mencatatkan peningkatan iaitu sebanyak 5.87% dengan 10.34 juta tan pada 2019 berbanding 9.77 juta tan pada 2018. Peningkatan ini disumbang oleh peningkatan eksport minyak mentah dan juga produk minyak sawit. Kendalian kargo minyak mentah telah meningkat dari 3.83 juta tan kepada 4.41 juta tan iaitu peningkatan sebanyak 15.1% dan kendalian minyak sawit mencatatkan 4.65 juta tan daripada 4.31 juta tan pada tahun sebelumnya, iaitu peningkatan sebanyak 6.9%.

Beberapa kargo utama di Pelabuhan Bintulu telah mencatatkan penurunan dalam tahun ini terutamanya kargo pukal kering, kargo am dan juga produk kayu. Produk kayu telah menunjukkan penurunan ketara pada tahun ini dgn mencatatkan penurunan sebanyak 44.5% diikuti dengan kargo pukal kering yang mencatatkan penurunan sebanyak 19.3% berbanding tahun sebelumnya.

Penurunan kendalian kargo-kargo ini didorong oleh perpindahan kargo pelabur Taman Perindustrian Samalaju daripada Pelabuhan Bintulu ke Pelabuhan Samalaju dan juga penurunan jumlah eksport produk berasaskan kayu disebabkan oleh persaingan daripada negara jiran dan bekalan bahan mentah yang kurang.

PRESTASI KESELURUHAN PELABUHAN BINTULU

Pengendalian Kontena




KONTENA	2018	2019
EKSPORT	128,877	135,262
IMPORT	137,985	137,904
PINDAH KAPAL	82,930	72,398
JUMLAH (TEUs)	349,792	345,564

Prestasi pengendalian kontena di Pelabuhan Bintulu telah mencatatkan penurunan sebanyak 1.2 % iaitu 349,749 TEUs pada tahun 2018 kepada 345,564 TEUs pada 2019. Penurunan kendalian kontena pada tahun ini disebabkan oleh kontena pindah kapal (transshipment) yang telah mencatatkan penurunan sebanyak 12.7% daripada 82,930 TEUs kepada 72,398 TEUs.

Hal ini disebabkan oleh penurunan import hasil dari produk baja. Walaupun terdapat penurunan kendalian kontena pada tahun ini, prestasi kendalian kontena bagi eksport telah menunjukkan peningkatan dengan mencatatkan peningkatan sebanyak 4.9% dari tahun sebelumnya.

Singgahan Kapal



JENIS SINGGAHAN KAPAL	2018	2019
KARGO CECAIR	1,628	1,625
KARGO PUKAL KERING	313	267
KARGO AM	342	308
LAIN-LAIN	5,492	5,540
JUMLAH KESELURUHAN	7,775	7,740

Pelabuhan Bintulu telah mencatat 7,740 singgahan kapal sepanjang tahun 2019, penurunan sebanyak 35 singgahan berbanding tahun sebelumnya. Walaupun kendalian kargo pukal cecair meningkat, prestasi singgahan kapal kargo pukal cecair mencatatkan penurunan dengan 1,625 singgahan berbanding 1,628 singgahan pada tahun lepas, penurunan sebanyak 0.2%. Kargo pukal kering dan kargo am juga turut mencatatkan penurunan pada tahun ini dengan masing-masing mencatatkan 267 singgahan berbanding 313 singgahan untuk kargo pukal kering dan 308 singgahan berbanding 342 singgahan untuk kargo am.

Namun begitu, singgahan kapal untuk kargo lain telah mencatatkan peningkatan pada tahun ini dengan 5,540 singgahan berbanding 5,492 singgahan, peningkatan sebanyak 0.8% berbanding tahun sebelumnya.

PEMBANGUNAN MODAL INSAN

Pihak pengurusan terus berusaha untuk memastikan perancangan dan pembangunan modal insan dilaksanakan bagi melahirkan kakitangan yang professional, kompeten, berintegriti, berdaya saing dan berprestasi tinggi sejajar dengan visi Lembaga Pelabuhan Bintulu untuk menjadi sebuah pelabuhan yang terunggul di rantau ini. Pengambilan kakitangan yang berkelayakan adalah penting untuk memastikan LPB dapat melaksanakan amanah yang telah dipertanggungjawabkan dalam memastikan kelancaran pengurusan dan operasi Pelabuhan Bintulu.

Sehingga penghujung tahun 2019, jumlah kakitangan LPB adalah seramai 86 orang kakitangan tetap yang terdiri daripada 29 orang dalam kumpulan Pengurusan dan Profesional dan 57 orang dalam kumpulan Pelaksana. Selain daripada kakitangan tetap, LPB turut melantik sebanyak 41 orang kakitangan kontrak bagi membantu melancarkan lagi pengurusan dan operasi Pelabuhan Bintulu. Pertambahan kakitangan yang berkelayakan ini adalah perlu bagi memastikan keselamatan operasi pelabuhan khususnya dalam pengendalian kargo berbahaya dijalankan dengan cekap dan selamat.

Bagi meningkatkan lagi kemahiran, kecekapan dan kebolehan tenaga kerja, pengurusan LPB terus berusaha

menyediakan program latihan yang sesuai dan efektif, baik di dalam atau di luar negara. Pengurusan LPB sentiasa memastikan setiap pegawai dan kakitangannya diberi pendedahan melalui program serta latihan yang berterusan supaya mereka berupaya menghasilkan mutu kerja yang berkualiti dan memberi perkhidmatan yang cemerlang. Sepanjang tahun 2019, LPB telah menyediakan pelbagai peluang kepada kakitangan untuk belajar dan berkembang bukan hanya menerusi latihan, program pembangunan dan motivasi pada peringkat tempatan tetapi menerusi beberapa kursus, persidangan dan latihan di luar negara.

Dalam usaha untuk meningkatkan perkhidmatan yang lebih mesra dan efektif, Program Hari Bertemu Pelanggan terus dilaksanakan bagi memastikan kemudahan dan perkhidmatan yang disediakan oleh pihak pengurusan dan syarikat pengendali operasi pelabuhan dapat memenuhi keperluan pelanggan. Dengan adanya program ini, LPB dapat mengetahui masalah-masalah yang timbul serta memperbaiki perkhidmatan yang sedia ada. Pendekatan sebegini memberi peluang kepada pihak pengurusan serta pelanggan pelabuhan untuk bertemu, berinteraksi serta berkongsi idea dalam usaha penambahbaikan perkhidmatan yang disediakan.



KEBAJIKAN DAN TANGGUNGJAWAB SOSIAL

Kebajikan kakitangan terus menjadi keutamaan kepada pengurusan Lembaga Pelabuhan Bintulu dan usaha terus dilakukan dengan menyediakan pelbagai kemudahan asas seperti rawatan perubatan untuk kakitangan dan tanggungannya. Selain daripada itu juga, subsidi pengangkutan turut disediakan kepada kakitangan yang memerlukan perkhidmatan pengangkutan untuk berulang alik ke pejabat. LPB turut menyediakan keahlian Gym supaya kakitangan mempunyai kesedaran akan pentingnya mengamalkan gaya hidup sihat.

Majlis Bersama Jabatan (MBJ) dan Program Perjumpaan Bersama Pengurus Besar LPB yang diadakan secara berkala turut memberi peluang kepada kakitangan untuk mengemukakan permasalahan dan persoalan yang berkaitan dengan kerja dan kebajikan sosial mereka terus kepada pihak pengurusan. Dengan adanya saluran seperti ini dapat mewujudkan hubungan dan sikap yang positif antara pengurusan dan kakitangan pelaksana.

LPB juga berusaha untuk menyediakan sokongan terbaik kepada kakitangan bagi memastikan kesejahteraan dan kebajikan kakitangan terjamin. Bagi menggalakkan kesejahteraan dan mengukuhkan silaturrahim di kalangan kakitangan dan keluarga pelbagai aktiviti telah dijalankan seperti sambutan Hari Keluarga yang telah diadakan di Eastwood Valley, Miri. Disamping itu, Pihak KSRK dan MBJ telah mengadakan Majlis Makan Malam Apresiasi LPB 2019 pada 16 November 2019 di Parkcity Everly Hotel, Bintulu yang dihadiri oleh kakitangan serta keluarga. Majlis tersebut turut menyampaikan Anugerah Khas Apresiasi 2019 kepada kakitangan atas kejayaan serta komitmen yang telah disumbangkan kepada LPB.

Bagi memupuk semangat kesukanan di kalangan kakitangan, Kelab Sukan Dan Rekreasi Kakitangan LPB (KSRK) LPB telah mengadakan pertandingan sukan indoor iaitu acara pingpong, dart dan karom. LPB turut serta dalam Penyertaan Pertandingan Antara Pelabuhan-Pelabuhan Malaysia (MAPA) sempena 13th APA Sports iaitu penyertaan Acara Badminton, Ten Pin Bowling, Marathon dan Golf. Di

samping itu juga LPB tidak ketinggalan menyertai Sukan Badan-Badan Berkanun pada 19 Julai 2019 bertempat di Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam dan juga acara-acara larian yang dianjurkan oleh badan-badan kebajikan dan juga swasta. Bagi menyokong Hari Sukan Negara 2019 (Malaysia Sport Challenge) LPB telah mengadakan aktiviti sukan di kalangan ahli keluarga dan kakitangan pada 12 Oktober 2019, bertempat di Pantai Tanjung Batu, Bintulu.

Program ceramah dan motivasi turut diadakan bagi menerap serta mempertingkatkan nilai-nilai murni dan pembentukan modal insan di kalangan kakitangan LPB. Program Motivasi untuk anak-anak kakitangan yang menghadapi Peperiksaan (UPSR, PT3 & SPM) telah diadakan pada 03 Ogos 2019 bertempat di Auditorium, LPB. Pihak KSRK turut menjemput pelajar dari enam (6) buah Sekolah Rendah Kebangsaan dan empat (4) buah Sekolah Menengah Kebangsaan di sekitar Bahagian Bintulu.

Sebagai sebuah badan berkanun yang telah lama bertapak di Bintulu, LPB tidak pernah melupakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) kepada masyarakat setempat. Antara aktiviti yang dijalankan ialah Majlis Amal "Kunjungan Penyayang LPB" yang merupakan program penyerahan sumbangan ikhlas bersempena bulan Ramadhan dan Hari Gawai kepada golongan Asnaf dan kurang berkemampuan. Program CSR yang turut dilaksanakan termasuk memberi bantuan keperluan sekolah-sekolah di sekitar kawasan Bintulu. Di samping itu, LPB juga telah menaja 20th Cleft Lip and Palate Charity Project yang dilaksanakan oleh Columbia Asia Bintulu.

Dengan adanya aktiviti-aktiviti kemasyarakatan dan kekeluargaan seperti ini, ianya dapat memberi impak positif kepada kakitangan dan masyarakat di samping mencapai objektif LPB untuk mengeratkan silaturrahim di antara kakitangan amnya dan masyarakat setempat khususnya.

PENGURUSAN KESELAMATAN, KESIHATAN DAN ALAM SEKITAR

Dalam usaha untuk mengekalkan pematuhan "*Statement of Compliance ISPS Code, ISO 2800:2007 Security Management System*" serta memastikan tahap keselamatan Pelabuhan Bintulu terjamin, pelbagai program dan aktiviti telah dilaksanakan pada tahun ini. Antara program yang telah dilaksanakan adalah Bengkel Penyediaan Latihan EX-ISPS Code 2019 pada 28 November 2019 bertempat di Bilik Kuala Tatau, Menara Kidurong. Peserta yang terlibat adalah terdiri daripada Marine Facility Security Officer (MFSO) dan anggota keselamatan dari BPSB, BIF dan SMDS. Program ini diadakan bagi memberi info terkini berkaitan keselamatan pelabuhan dan tatacara untuk melaksanakan exercise untuk Kod ISPS.

Bagi memantapkan lagi kemahiran dalam menggunakan senjata api di kalangan pegawai Polis Bantuan LPB, Latihan Menembak tahunan untuk anggota Polis Bantuan LPB telah diadakan pada 8 Ogos 2019 di Lapang Sasar IPD Bintulu. Latihan ini telah disertai oleh anggota Polis Bantuan dan diselia oleh Pegawai dari PDRM Bintulu.

Selain daripada itu, Bahagian Keselamatan, Kesihatan Dan Alam Sekitar telah mengadakan Program Conservation of Dolphins in Sarawak bersama orang awam, ketua-ketua kaum, persatuan nelayan dan pelajar sekolah. Program ini telah diadakan pada 18 Julai 2019 bertempat di Everly Parkcity Hotel. Objektif program ini adalah untuk memupuk kesedaran dan mendidik orang awam untuk melindungi spesies ikan lumba-lumba yang kian pupus.

Di samping itu juga, LPB dan Bahagian Keselamatan, Kesihatan Dan Alam Sekitar telah menganjurkan program kesedaran yang dihadiri oleh pengguna pelabuhan dan kakitangan LPB pada 29 Ogos 2019 bertempat di Menara Kidurong. Program ini merupakan salah satu inisiatif LPB sebagai sebuah Badan Kawalselia Pelabuhan untuk mencapai sebuah Pelabuhan Hijau Berdigital Pintar (Smart Digital Green Port, SGDP) menjelang tahun 2030. Ini merupakan fasa pertama untuk memberi pendedahan, meningkatkan kesedaran dan galakan kepada seluruh pengguna pelabuhan.

Selain daripada itu, Unit Bomba LPB juga telah mengadakan latihan Pengusian/Pengosongan bangunan Menara Kidurong yang melibatkan pelbagai agensi, penyewa bangunan dan juga penglibatan pasukan Bomba BPSB. Tujuan utama latihan ini diadakan adalah untuk membiasakan penghuni Menara Kidurong mengenai tatacara membuat pengusian bangunan dan juga menguji kesiapsediaan pasukan Bomba dan Emergency Respond Team LPB sekiranya berlaku kecemasan yang sebenar. Latihan ini telah diadakan pada 3 Mei 2019 dan telah berjaya dijalankan serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

Selain itu juga, Latihan Pemadaman Kebakaran Kapal di Pelabuhan Bintulu anjuran Unit Bomba LPB dengan kerjasama ESRD dan Marine Unit BPSB dan JBPM telah Berjaya diadakan pada 12 September 2019 mulai pukul 9.00 pagi sehingga 12.00 tengahari. Latihan telah berjaya sepenuhnya dan mencapai objektif yang ditetapkan. Tujuan latihan ini diadakan adalah bagi memastikan kebakaran yang berlaku dapat dikawal dengan baik tanpa melibatkan kehilangan nyawa, kerosakan harta benda dan juga kepada alam sekitar. Latihan ini juga dapat memberi manfaat kepada pelbagai agensi yang terlibat untuk turut serta bagi memantapkan lagi ilmu dalam pengendalian kebakaran serta tugas masing-masing.

Selain dari sesi latihan pengusian/pengosongan bangunan di Menara Kidurong, Program Pencegahan Dan Kesedaran Berkaitan dengan Keselamatan turut diadakan di Kediaman Kakitangan LPB di Taman Mawar pada 14 Disember 2019. Program tersebut adalah bertujuan untuk memberi kesedaran dan pencegahan awal mengenai keselamatan di kawasan kediaman di samping dapat mengeratkan silaturrahim sesama penghuni di Taman Mawar tersebut.

Kedudukan sektor luar Malaysia dijangka kekal kukuh seiring dengan prestasi ekonomi dan perdagangan global yang menggalakkan. Namun demikian, eksport dijangka menyederhana terutamanya disebabkan oleh perdagangan global dan aktiviti pelaburan yang lebih perlahan. Dari sudut penawaran, sektor perkhidmatan dijangka kekal sebagai penyumbang terbesar pertumbuhan ekonomi. Subsektor borong dan runcit, kewangan dan insurans serta informasi dan komunikasi mendapat manfaat daripada perbelanjaan pengguna yang menggalakkan. Sektor pertanian dan perlombongan dijangka terus berkembang pada 2020 berikutan peningkatan pengeluaran minyak sawit mentah (CPO) dan gas asli cecair (LNG) selepas merekodkan peningkatan secara marginal pada 2019.

Prestasi pelaburan asing dan tempatan negeri dijangka akan terus meningkat untuk negeri Sarawak pada tahun 2020. Bintulu khususnya di Taman Perindustrian Samalaju (TPS), berjaya menarik pelaburan berjumlah RM13.76 bilion dan menyediakan peluang pekerjaan kepada 11,000 anak jati tempatan negeri ini. Penyediaan infrastruktur lebih baik di negeri ini terutamanya lebuh raya Pan Borneo pasti akan meningkatkan lagi pertumbuhan ekonomi negeri Sarawak dan ini pasti akan memberi kesan yang positif kepada Pelabuhan Bintulu pada masa akan datang.



DIARI KORPORAT LPB 2019

januari

Perjumpaan bersama Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Persatuan Peniaga Lori Bersatu Bintulu pada 28 Januari 2019.



februari

Acara Marathon antara Pelabuhan Malaysia pada 24/2/2019 yang bertempat di Stadium Bandaraya Georgetown, Pulau Pinang.



mac

Lawatan Rasmi Ahli Lembaga Pengarah En Brian Paul Ke Lembaga Pelabuhan Bintulu pada 20 Mac 2019.





april

Pertandingan Golf Antara Pelabuhan-Pelabuhan Malaysia 2019 bertempat di Kelab Golf Bintulu pada 1 dan 2 April 2019.

mei

Kunjungan Penyayang LPB bersama SK Sungai Tisang pada 24 Mei 2019.



mei

Latihan Pengusian Bangunan Menara Kidurong pada 3 Mei 2019.





jun

Lembaga Pelabuhan Bintulu menaja 20th Cleft Lip and Palate Charity Project dilaksanakan oleh Columbia Asia Bintulu.

julai

Karnival Sukan Badan Berkanun (SUKANUN) Malaysia 2019 pada 19 – 26 Julai 2019 bertempat Universiti Teknologi Mara (UiTM) Shah Alam, Selangor.



julai

Mesyuarat Jawatankuasa Kerja APA ke-40 pada 24 - 25 Julai 2019 bertempat di Panglao Island Bohol Philipines.





MESYUARAT PIHAK BERKUASA PELABUHAN MALAYSIA BIL . 2
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
HOTEL GRAND MARGHERITA KUCHING 15 JULAI 2019

julai

Mesyuarat Pihak Berkuasa Pelabuhan Malaysia Bil.2 2019 bertempat di Hotel Grand Margherita Kuching Sarawak pada 15 Julai 2019.



ogos

Program Kesedaran "Transformation of Bintulu Port into Smart Digital Green Port" pada 29 Ogos 2019.



ogos

Mesyuarat kali ke-4 China Malaysia Port Alliance di Hotel Double Tree Hilton, Kuala Lumpur pada 19 Ogos 2019.



ogos

Lawatan Amal ke Tahfiz Bintulu dan Hospital Bintulu.



september

13th APA Sports Meet di Jogjakarta pada 15 - 21 September 2019.





september

Lawatan YB Menteri Pengangkutan ke Lembaga Pelabuhan Bintulu pada 17 September 2019.

oktober

Lawatan daripada SMK Agama Igan pada 18 Oktober 2019.



oktober

Lawatan daripada SK Labang, Sebauh pada 24 Oktober 2019.





oktober

Sumbangan Zakat
Perniagaan LPB.

oktober

Taklimat & Ujian Air Kencing (UAK) bersama AADK Bintulu pada 4 Oktober 2019.



november

Majlis Makan Malam Apresiasi Kakitangan LPB pada 16 November 2019 di Parkcity Everly Hotel, Bintulu.





november

Pertandingan Sepanduk Sempena Sambutan Maulidur Rasul Bahagian Bintulu pada 9 November 2019.

disember

Program Pencegahan dan Kesedaran di kediaman kakitangan Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB), Taman Mawar pada 14 Disember 2019.






PENYATA KEWANGAN

LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

- 
- 38 – 41 **SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**
 - 42 **PARA PENGARAH**
 - 43 **PENYATA PENERUSI DAN
SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**
 - 44 **AKUAN BERKANUN**
 - 45 **PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN**
 - 46 **PENYATA PRESTASI KEWANGAN**
 - 47 **PENYATA PERUBAHAN ASET
BERSIH**
 - 48 **PENYATA ALIRAN TUNAI**
 - 49 **PENYATA PERBANDINGAN BAJET
DAN AMAUN SEBENAR**
 - 50 – 78 **NOTA-NOTA KEPADA PENYATA
KEWANGAN**



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PELABUHAN BINTULU
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Liabiliti Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan nota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 45 hingga 78, telah diaudit oleh wakil saya.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 (Akta 243).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Emphasis of Matter

Tanpa menjejaskan pendapat Audit, saya ingin menarik perhatian terhadap perkara seperti berikut:

1. Tiada Perjanjian Penyewaan Pajak Tanah

Supplementary Agreement to the Privatisation Agreement antara Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Bintulu Port Sdn. Bhd. berjumlah RM2,808,629,925 belum ditandatangani walaupun Bintulu Port Sdn. Bhd. masih meneruskan pajakan di atas tanah milik Lembaga Pelabuhan Bintulu. Baki kadar pajakan tanah pada tahun 2019 adalah berjumlah RM14,787,185. Kegagalan untuk mengikat kedua pihak dengan terma dan syarat perjanjian merupakan satu risiko dan boleh memberi impak kepada kewangan apabila berlaku percanggahan pendapat di antara penyewa dan tuan tanah pada masa hadapan.

2. Hartanah, Loji Dan Peralatan Telah Direkodkan Sebagai Hartanah Pelaburan

Lembaga Pelabuhan Bintulu mengklasifikasikan keseluruhan tanah pegangan pajakan dan bangunan sebagai Hartanah Pelaburan sejumlah RM1,308,182,246. Pengasingan item Hartanah Pelaburan dan Hartanah, Loji Dan Peralatan tidak dapat dilaksanakan kerana jumlah nilai bersih belum dapat dikenal pasti.

3. Penilaian Rosot Nilai Ke Atas Pembatalan Projek *Supply Base in Second Basin of Bintulu Port* Tidak Dilaksanakan

Projek *Supply Base in Second Basin of Bintulu Port* telah dibatalkan pada tahun 2019 dan mempunyai baki kerja dalam kemajuan berjumlah RM48,705,902. Pihak Audit mendapati penilaian rosot nilai bagi pembatalan projek tersebut tidak dilaksanakan kerana kos yang terlibat belum dapat dikenal pasti.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Lembaga Pelabuhan Bintulu bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 (Akta 243). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pelabuhan Bintulu untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.

- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pelabuhan Bintulu.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperoleh, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pelabuhan Bintulu sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperoleh sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Bintulu memberi gambaran yang saksama.

Hal-hal Lain

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 (Akta 243) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.


(DR. MASIAH BINTI AHMAD)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KUCHING, SARAWAK
TARIKH 26 OCT 2020



PARA PENGARAH

PENGERUSI

(Mulai dari 4 Oktober 2018 - 3 Oktober 2020) YB Dr. John Brian Anthony Anak Jeremy Guang

AHLI LEMBAGA PENGARAH

(Mulai dari 20 Mac 2017 - Terkini) En. Zulkurnain Bin Ayub
Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Bintulu

(Mulai dari 15 Julai 2005 - 18 Februari 2019) Y. Bhg. Dato' Ahmad Husni Bin Hussain
Ketua Pengarah
Unit Kerjasama Awam Swasta

(Mulai dari 1 Disember 2009 - 30 November 2019) Y. Bhg. Datu Haji Ismawi Bin Ismuni
Ketua Pegawai Eksekutif
Lembaga Pembangunan Koridor Wilayah

(Mulai dari 13 Mei 2016 - 12 Mei 2019) Encik Pang Leong Ming
Ahli Bebas

(Mulai dari 25 Mei 2016 - 14 Februari 2019) Y. Bhg. Dato' Baharin Bin Dato' Haji Abdul Hamid
Ketua Pengarah
Jabatan Laut Malaysia

(Mulai dari 13 Julai 2018 - 21 Julai 2020) Y. Bhg. Dato' Suhara Binti Salleh
Timbalan Pengarah (Perkhidmatan Am)
Pejabat Belanjawan Negara

(Mulai dari 15 Februari 2019 - 14 Februari 2020) Y. Bhg. Datuk Khairul Adib Bin Abdul Rahman
Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam

(Mulai dari 15 Januari 2016 - 2 Mei 2020) Puan Rodziah Binti Morshidi
Pengurus Besar
Lembaga Kemajuan Bintulu

(Mulai dari 9 Mac 2018 - 3 Mac 2019) En. Suhaili Bin Kipli
Ahli Bebas

(Mulai dari 3 Mei 2019 - 2 Mei 2020) En. Brain Paul
Ahli Bebas

(Mulai dari 3 Mei 2019 - 2 Mei 2020) En. Abdul Jalil Bujang
Ahli Politik

PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH LEMBAGA PELABUHAN BINTULU


Kami, **DATUK ROBERT LAWSON CHUAT** dan **ZULKURNAIN BIN AYUB** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah, **LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama berkenaan dengan Lembaga Pelabuhan Bintulu pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga



DATUK ROBERT LAWSON CHUAT
Pengerusi

18 JUN 2020



ZULKURNAIN BIN AYUB
Pengurus Besar

18 JUN 2020

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**


Saya, **ANUAR BIN AIKNE**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PELABUHAN BINTULU**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Aset Bersih dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa is adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh **ANUAR BIN AIKNE**)
di Bintulu dalam Negeri Sarawak)
pada 18 Jun 2020



ANUAR BIN AIKNE
(650130-13-5339)

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAH

NO. 69, 1ST FLOOR,
MEDAN SENTRAL COMMERCIAL CENTRE,
JALAN TANJUNG KIDURONG,
97000 BINTULU, SARAWAK



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
<u>ASET</u>			
ASET SEMASA			
Cukai akan dikembalikan		16,285,965	18,199,883
Bantuan kewangan	4	1,000,000	1,000,000
Urusniaga pertukaran belum terima	5	34,244,042	23,301,015
Pelbagai akaun belum terima dan deposit	6	3,581,113	3,754,744
Pelaburan lain	7	5,880,000	4,050,000
Simpanan tetap	8	494,050,000	411,650,000
Tunai dan baki di bank	9	46,525	140,934
Jumlah Aset Semasa		555,087,645	462,096,576
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	10	1,525,772	1,961,019
Hartanah pelaburan	11	1,308,182,246	1,346,459,930
Kerja dalam kemajuan	12	48,705,902	49,390,404
Aset tak ketara	13	7,254	13,761
Bantuan kewangan	4	5,510,898	5,194,001
Urusniaga pertukaran belum terima	5	3,979,474	4,341,101
Pelaburan lain	7	474,672,505	456,289,567
Jumlah Aset Bukan Semasa		1,842,584,051	1,863,649,783
Jumlah Aset		2,397,671,696	2,325,746,359
<u>LIABILITI</u>			
LIABILITI SEMASA			
Urusniaga pertukaran belum bayar	14	37,902,576	34,556,375
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	15	9,325,407	7,955,565
Geran tertunda	17	11,638,634	11,638,634
Jumlah Liabiliti Semasa		58,866,617	54,150,574
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	15	18,420,207	28,016,640
Peruntukan manfaat kakitangan	16	159,679	723,296
Geran tertunda	17	214,058,286	225,696,920
Liabiliti cukai tertunda	18	101,973,342	98,356,618
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		334,611,514	352,793,474
Jumlah Liabiliti		393,478,131	406,944,048
ASET BERSIH		2,004,193,565	1,918,802,311
ASET BERSIH			
Kumpulan Wang Mengurus		2,005,218,059	1,918,802,311
Rizab aset kewangan sedia untuk dijual		(1,024,494)	-
JUMLAH ASET BERSIH		2,004,193,565	1,918,802,311

Nota-nota di muka surat 50 hingga 78 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
HASIL			
Urusniaga pertukaran	19	175,298,102	165,286,609
Urusniaga bukan pertukaran	20	11,638,634	11,638,634
Lain-lain hasil	21	861,209	220,232
Jumlah Hasil		<u>187,797,945</u>	<u>177,145,475</u>
PERBELANJAAN			
Emolumen	22	6,264,607	6,033,082
Manfaat kakitangan	16	-	84,500
Perkhidmatan dan bekalan	23	28,369,968	24,780,424
Pemberian dan kenaan bayaran tetap	24	2,315,863	600,193
Hutang lapuk dan hapuskira hartanah pelaburan		27,467	42,533
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	10	424,008	461,917
Susutnilai hartanah pelaburan	11	38,997,545	38,993,907
Pelunasan aset tak ketara	13	6,507	10,677
Belanja rosotnilai pelaburan	7	-	2,895,150
Perbelanjaan lain-lain	25	5,730,963	5,131,077
Kos kewangan	26	1,247,251	-
Jumlah perbelanjaan		<u>83,384,179</u>	<u>79,033,460</u>
LEBIHAN SEBELUM CUKAI	27	104,413,766	98,112,015
Cukai	28	(24,530,641)	(23,073,949)
LEBIHAN BERSIH BAGI TAHUN		<u>79,883,125</u>	<u>75,038,066</u>
Diagihkan kepada:			
Pemilik yang mengawal entiti		<u>79,883,125</u>	<u>75,038,066</u>

Nota-nota di muka surat 50 hingga 78 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN ASET BERSIH

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	Kumpulan Wang Mengurus RM	Rizab Aset Kewangan Sedia Untuk Dijual RM	Jumlah Aset Bersih RM
Baki pada 31 Disember 2017		1,843,764,245	-	1,843,764,245
Lebihan bersih bagi tahun		75,038,066	-	75,038,066
Baki pada 31 Disember 2018		1,918,802,311	-	1,918,802,311
- Seperti dinyatakan terdahulu				
Kesan pemakaian MPSAS	3.20	6,532,622	(2,625,549)	3,907,073
Baki pada 31 Disember 2018		1,925,334,933	(2,625,549)	1,922,709,384
- Seperti dinyatakan semula				
Untung/(rugi) pengukuran semula aset kewangan sedia untuk dijual		-	1,601,055	1,601,055
Lebihan bersih bagi tahun		79,883,125	-	79,883,125
Baki pada 31 Disember 2019		2,005,218,059	(1,024,494)	2,004,193,565

Nota-nota di muka surat 50 hingga 78 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

Nota	2019 RM	2018 RM
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI OPERASI		
Lebihan sebelum cukai	104,413,766	98,112,015
Pelarasan bukan tunai:		
Pelunasan dari geran	(11,638,634)	(11,638,634)
Rosotnilai pelaburan lain	-	2,895,150
Belanja susutnilai dan pelunasan aset	39,428,060	39,466,501
Faedah dan dividen diterima	(39,728,828)	(29,733,702)
Belanja faedah	1,247,252	-
Belanja zakat	1,500,000	1,500,000
Kerugian daripada penjualan aset	17,013	-
Kerugian daripada penjualan pelaburan	663,236	-
Keuntungan daripada jualan pelaburan	(149,094)	(116,495)
Keuntungan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	(14,049)	-
Yuran pengurusan pelaburan	34,176	37,685
Hapuskira hartanah, loji dan peralatan	27,467	42,533
Pertambahan operasi sebelum perubahan modal kerja	95,800,366	100,565,053
Perubahan dalam modal kerja:-		
Perubahan dalam akaun belum terima	(194,492)	(5,230,025)
Perubahan dalam akaun belum bayar	(2,288,116)	(8,448,899)
Perubahan dalam manfaat kakitangan	(563,617)	84,500
Tunai dihasilkan daripada aktiviti operasi	92,754,141	86,970,629
Cukai dibayar	(19,000,000)	(19,000,000)
Zakat dibayar	(1,500,000)	(1,500,000)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti operasi	72,254,141	66,470,629
ALIRAN TUNAI DARIPADA AKTIVITI PELABURAN		
Pertambahan pelaburan lain	(17,200,000)	-
Faedah dan dividen diterima	29,277,602	29,312,495
Perolehan daripada penjualan hartanah, loji dan peralatan	21,082	-
Perolehan daripada penjualan pelaburan lain	163	46,050,132
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(40,274)	(227,139)
Pembelian hartanah pelaburan	-	(160,409)
Pembayaran balik pelaburan	(141,764)	(197,508)
Pertambahan perbelanjaan kerja dalam kemajuan	(35,359)	(49,352,794)
Tunai bersih dihasilkan daripada aktiviti pelaburan	11,881,450	25,424,777
Pertambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai	84,135,591	91,895,406
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	415,840,934	323,945,528
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	499,976,525	415,840,934
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:-		
Tunai dan baki bank (Nota 9)	46,525	140,934
Simpanan tetap (Nota 8)	494,050,000	411,650,000
Short Term Money Market Deposit (Nota 7)	5,880,000	4,050,000
	499,976,525	415,840,934

Nota-nota di muka surat 50 hingga 78 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR

BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Jumlah Bajet		Jumlah Sebenar RM	*Varian Bajet RM	*Varian Bajet %
	Asal RM	Akhir RM			
PENERIMAAN					
Lesen dan permit	50,000	50,000	50,000	-	0.00
Sewaan	135,469,748	135,469,748	135,519,274	49,526	0.04
Faedah dan dividen	38,244,409	38,244,409	39,728,828	1,484,419	3.88
Lain-lain hasil	680,000	680,000	297,592	(382,408)	(56.24)
Jumlah Penerimaan	174,444,157	174,444,157	175,595,694	1,151,537	
PEMBAYARAN					
Emolumen	6,570,963	6,570,963	6,264,607	(306,356)	(4.66)
Perkhidmatan dan bekalan	30,208,653	30,208,653	26,073,777	(4,134,876)	(13.69)
Pemberian dan kenaikan bayaran tetap	2,425,000	2,425,000	2,315,863	(109,137)	(4.50)
Perbelanjaan lain - lain	24,076,444	24,076,444	24,050,714	(25,730)	(0.11)
Aset	7,119,660	7,119,660	7,044,434	(75,226)	(1.06)
	70,400,720	70,400,720	65,749,395	(4,651,325)	
Dasar Baharu/One-Off	20,755,892	22,780,892	2,296,191	(20,484,701)	(89.92)
Jumlah Pembayaran Operasi	91,156,612	93,181,612	68,045,586	(25,136,026)	
Dasar Pembangunan	14,074,387	45,074,387	35,359	(45,039,028)	(99.92)
Jumlah Keseluruhan Pembayaran	105,230,999	138,255,999	68,080,945	(70,175,054)	
PENERIMAAN BERSIH	69,213,158	36,188,158	107,514,749	71,326,591	

*Merujuk kepada varian di antara Jumlah Sebenar dan Jumlah Bajet Akhir.

PENJELASAN BAGI VARIAN YANG MELEBIHI DARIPADA 20%

1 Lain-lain hasil

Perbezaan ketara ini sebahagian besarnya adalah disebabkan oleh peruntukan rosotnilai baikpulih yang telah dibajetkan. Walau bagaimanapun, jumlah sebenar yang diterima oleh LPB tidak termasuk dengan peruntukan rosotnilai baikpulih ini kerana ia adalah item bukan tunai.

2 Dasar baharu/one off

Perbezaan yang ketara di antara jumlah bajet dan jumlah sebenar yang dibayar disebabkan terdapat beberapa program atau aktiviti yang dirancang dalam bajet tahun 2019 tidak dapat dilaksanakan dan terdapat juga program atau aktiviti yang tidak sempat dibayar dalam tahun 2019 kerana program atau aktiviti tersebut masih dalam proses pelaksanaan.

3 Dasar pembangunan

Mesyuarat Jemaah Menteri bertarikh 19 Disember 2018 telah bersetuju supaya "Project Supply Base In Second Inner Basin Of Bintulu Port" dibatalkan. Dengan pembatalan kontrak tersebut, LPB telah diarah untuk melantik Juruperunding Bebas bagi menilai tuntutan-tuntutan yang akan dikemukakan disebabkan pembatalan kontrak tersebut. Jawatankuasa Timbang Tara akan membincangkan dan membuat keputusan mengenai perkara yang dibangkitkan berdasarkan penilaian daripada Juruperunding Bebas yang dilantik. LPB telah memohon bajet tambahan dalam Dasar Pembangunan berjumlah RM31,000,000 bertujuan untuk membiayai tuntutan kemajuan kerja dan *demobilization* daripada kontraktor berjumlah RM25,000,000 dan tuntutan kemajuan kerja juruperunding pengurusan projek berjumlah RM6,000,000. Walau bagaimanapun, tiada pembayaran yang dibuat di dalam tahun kewangan semasa kerana juruperunding bebas lewat dilantik dan memerlukan masa untuk menyemak dan mengesahkan tuntutan-tuntutan tersebut.

Nota-nota di muka surat 50 hingga 78 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

1. Maklumat Am

1.1 Penubuhan

Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) telah ditubuhkan pada 15 Ogos 1981 di bawah Akta 243, Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981. Ia merupakan sebuah Badan Berkanun Persekutuan di bawah Kementerian Pengangkutan Malaysia.

Mulai 1 Januari 1993, operasi perkhidmatan Pelabuhan Bintulu telah diswastakan di bawah Akta Pelabuhan-Pelabuhan (Penswastaan) 1990 sejajar dengan Dasar Penswastaan Kebangsaan.

1.2 Kegiatan Utama

LPB telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan fungsi kawalselia dalam mengawasi segala aktiviti pelabuhan termasuk penggunaan kemudahan dan operasi pelabuhan oleh pengendali pelabuhan berlesen, bertindak sebagai pemilik kepada aset hartanah, fasilitator perdagangan, perancang dan pembangunan pelabuhan serta bertanggungjawab untuk memastikan dan mengawasi keselamatan operasi pelabuhan.

1.3 Mata Wang Fungsian dan Persembahan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan LPB.

2. Tarikh Penyata Kewangan Diluluskan

Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 telah dibentangkan dan diluluskan oleh Mesyuarat Lembaga Pengarah LPB pada tarikh 18 Jun 2020.

3. Dasar-dasar Perakaunan

3.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

3.1.1 Penyata kewangan LPB telah disediakan berdasarkan kepada konvensyen kos sejarah selain dinyatakan secara berasingan dan mematuhi Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) serta Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu, 1981.

3.1.2 Penyata kewangan ini telah disediakan sepenuhnya mengikut MPSAS kerana tahun kewangan ini adalah merupakan tempoh peralihan yang terakhir. Oleh itu, segala pengecualian yang dipilih sebelum ini telah diiktiraf dan diukur sepenuhnya di dalam penyata kewangan tahun semasa seperti yang dinyatakan pada Nota 3.20 kepada penyata kewangan.

3.1.3 Penyediaan penyata kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang akan memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran dan andaian perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Semua pertimbangan, anggaran dan andaian yang akan memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf di dalam penyata kewangan didedahkan pada Nota 3.19 kepada penyata kewangan.

3. Dasar-dasar Perakaunan (Sambungan)

3.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan (Sambungan)

3.1.4 Tiada piawaian perakaunan baru ataupun dipinda yang telah berkuatkuasa di dalam tahun kewangan semasa yang memberi kesan ketara kepada penyata kewangan LPB.

Tiada piawaian perakaunan baru ataupun dipinda yang telah diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa yang akan memberi kesan ketara kepada penyata kewangan Lembaga pada masa hadapan.

3.2 Hartanah, Loji dan Peralatan

Hartanah, loji dan peralatan diiktiraf pada nilai kos yang melebihi RM2,000 dan ke atas.

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada kos tolak susutnilai dan rosotnilai terkumpul (jika ada). Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

Jika sesuatu aset diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktiraf di dalam liabiliti semasa.

Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktiraf semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangkakan daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambilkira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

3. Dasar-dasar Perakaunan (Sambungan)

3.3 Susutnilai Hartanah, Loji dan Peralatan

Susutnilai dikira berasaskan kaedah garis lurus pada kadar tahunan yang berikut berdasarkan jangka hayat kegunaan aset-aset berkenaan.

Hartanah, loji dan peralatan	Kadar tahunan
Perkakas pejabat dan lain-lain	10%
Kenderaan bermotor	20%
Perabot dan kelengkapan	10%

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula dan dilaraskan secara prospektif.

3.4 Hartanah Pelaburan

Hartanah pelaburan adalah hartanah yang dipegang untuk menjana sewaan atau peningkatan modal atau kedua-duanya. Ia tidak termasuk hartanah yang dipegang untuk tujuan strategik atau untuk menyediakan perkhidmatan sosial walaupun hartanah tersebut menghasilkan sewa.

Pengiktirafan awal bagi hartanah pelaburan yang diperolehi melalui urusanniaga pertukaran adalah diiktiraf pada harga kos manakala perolehan melalui urusanniaga bukan pertukaran diukur pada nilai saksama pada tarikh pemerolehan.

Susulan kepada pengiktirafan awal, hartanah pelaburan dinyatakan sebagai kos tolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul (jika ada).

Susutnilai hartanah pelaburan dikira menggunakan asas garis lurus mengikut anggaran hayat berguna aset tersebut. Caj susutnilai akan diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan.

Hartanah pelaburan	Kadar tahunan
Tanah pegangan pajakan	Mengikut tempoh pajakan
Bangunan dan struktur pelaburan	2%

Nilai dibawa item hartanah pelaburan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangka daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah pelaburan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambilkira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

Pindahan akan dibuat apabila terdapat perubahan di dalam penggunaannya.

3.5 Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan adalah merujuk kepada kerja-kerja yang belum disempurnakan sehingga akhir tahun kewangan. Kos-kos ini kemudiannya akan dipindahkan mengikut kategori yang sesuai setelah memperolehi Sijil Perakuan Siap (Certificate of Practical Completion) atau telah siap disempurnakan atau telah sedia untuk digunakan. Tiada susutnilai yang dikenakan ke atas kerja dalam kemajuan.

3. Dasar-dasar Perakaunan (Sambungan)

3.6 Rosotnilai Aset Bukan Kewangan

3.6.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, LPB mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urusniaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urusniaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi sesuatu aset hendaklah dibalikkan jika, dan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

3.6.2 Aset Penjanaan Bukan Tunai

LPB akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka LPB akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, LPB telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusutnilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusutnilai. Kos penggantian yang disusutnilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susutnilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, LPB menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, LPB menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

3. Dasar-dasar Perakaunan (Sambungan)

3.7 Cukai

Cukai atas lebihan atau kurangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda.

Cukai semasa mewakili cukai pendapatan yang dijangka akan dikenakan ke atas lebihan atau kurangan tahun kewangan semasa yang boleh dicukai dan dikira pada kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan dan mana-mana pelarasan terhadap cukai yang perlu dibayar bagi tahun-tahun sebelumnya.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan sementara antara asas cukai dan nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan. Mengikut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dicukai. Aset cukai tertunda pula diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak cukai, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna. Aset cukai tertunda akan diiktiraf setakat kemungkinan lebihan kena cukai masa hadapan yang boleh ditolak dengan perbezaan sementara yang boleh ditolak, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai yang belum digunakan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangkakan untuk diaplikasikan dalam tahun aset itu direalisasikan atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai dan perundangan cukai yang telah digubal atau sebahagian besar digubal pada tarikh laporan.

Aset dan liabiliti cukai tertunda boleh diofset jika ada hak yang sah untuk mengofset di antara aset dan liabiliti cukai pendapatan semasa dan ia berkaitan dengan pihak berkuasa cukai yang sama.

3.8 Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST)

Pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan berkuatkuasa pada 01 April 2015. Implikasi cukai barang dan perkhidmatan kepada LPB adalah seperti berikut:

3.8.1 Cukai Output

Terimaan hasil dari lesen adalah dikecualikan daripada GST dan tiada cukai output dibayar. Terimaan hasil seperti sewaan tanah, fasiliti, ruang pejabat dan lain-lain adalah tertakluk kepada GST berkadar standard 6% atau berkadar sifar (0%).

3.8.2 Cukai Input

LPB menanggung GST yang dikenakan oleh pembekal bagi perolehan perkhidmatan. LPB boleh menuntut GST (cukai input) bagi perolehan bekalan / perkhidmatan berkadar standard 6% sekiranya perolehan tersebut ada kaitan dengan pembekalan berkadar standard 6% (cukai output).

Mulai 01 Jun 2018, kadar GST telah berkurang kepada 0%. GST ini kemudiannya telah dimansuhkan pada 01 September 2018 dan digantikan dengan Cukai Jualan dan Perkhidmatan.

3.9 Aset Kewangan

3.9.1 Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila LPB menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

3.9.2 Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusan niaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisui aset kewangan.

3. Dasar-dasar Perakaunan (Sambungan)

3.9 Aset Kewangan (Sambungan)

3.9.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

3.9.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana LPB membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

3.9.5 LPB hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

- (i) Pinjaman dan Belum Terima
Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan.
- (ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang
Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai pelaburan dipegang hingga matang apabila LPB mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.
- (iii) Aset kewangan sedia untuk dijual
LPB mengklasifikasikan aset kewangan sedia untuk dijual sebagai aset kewangan bukan derivatif yang mana ia diklasifikasikan sebagai aset kewangan sedia untuk dijual atau ia tidak diklasifikasikan sebagai pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang atau aset kewangan pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan. Selepas pengukuran awal, aset kewangan sedia untuk dijual kemudiannya diukur pada nilai saksama dengan keuntungan atau kerugian akan diiktiraf secara langsung di dalam penyata aset bersih sehingga aset kewangan itu dinyahiktiraf.

3.9.6 Rosot Nilai Aset Kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, LPB akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- (i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- (ii) pembayaran tertunggak;
- (iii) kemungkinan bahawa peminjam akan mufli; atau
- (iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam LPB yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

3. Dasar-dasar Perakaunan (Sambungan)

3.9 Aset Kewangan (Sambungan)

3.9.6 Rosot Nilai Aset Kewangan (Sambungan)

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

Bagi aset kewangan sedia untuk dijual, LPB pada setiap tarikh laporan akan mengkaji sama ada terdapat bukti objektif bahawa pelaburan atau sekumpulan pelaburan terjejas. Bukti objektif termasuk penurunan yang ketara atau berpanjangan dalam nilai saksama pelaburan di bawah kosnya. 'Ketara' akan dinilai berdasarkan kepada kos asal pelaburan dan 'berpanjangan' pula dinilai berdasarkan tempoh di mana nilai saksama berada di bawah kos asalnya. Di mana terdapat bukti kemerosotan nilai, kerugian terkumpul diukur sebagai perbezaan di antara kos pembelian dan nilai saksama semasa, ditolak apa-apa kerugian kemerosotan nilai atas pelaburan yang sebelum ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dan dikeluarkan dari penyata aset bersih dan diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

3.9.7 Penyahiktirafan Aset Kewangan

LPB akan menyahiktiraf aset kewangan atau, jika berkenaan, sebahagian daripada aset kewangan atau sebahagian daripada sekumpulan aset kewangan apabila:

- a) Hak untuk menerima aliran tunai daripada aset telah luput atau dikecualikan;
- b) LPB telah memindahkan haknya untuk menerima aliran tunai daripada aset atau telah menerima obligasi untuk membayar aliran tunai yang diterima secara penuh tanpa kelewatan material kepada pihak ketiga; dan samada:
 - (i) LPB telah memindahkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset; atau
 - (ii) LPB tidak memindahkan atau mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran aset, tetapi telah memindahkan kawalan aset tersebut.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa aset kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan diterima adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan. Bagi aset kewangan sedia untuk dijual, semua keuntungan atau kerugian yang diiktiraf sebelum ini di dalam penyata aset bersih akan diiktiraf di dalam Penyata Prestasi Kewangan.

3. Dasar-dasar Perakaunan (Sambungan)

3.10 Pengiktirafan Pendapatan dan Perbelanjaan

3.10.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran adalah seperti berikut :

- (i) *Geran kerajaan*
Geran kerajaan yang tidak dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan yang tertentu akan diambilkira sebagai hasil di dalam penyata prestasi kewangan. Geran Kerajaan yang dikenakan syarat-syarat prestasi masa depan tertentu diiktiraf sebagai geran tertunda dan dilunaskan sebagai hasil bersamaan dengan amaun bawaan liabiliti yang telah memenuhi syarat.

3.10.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut :

- (i) *Kutipan sewaan dan pajakan*
Hasil sewaan dan pajakan dikenakan ke atas aset-aset LPB mengikut syarat perjanjian penyewaan. Pengiktirafan pendapatan sewaan dan pajakan berdasarkan asas akruan apabila hak untuk menerima bayaran telah ditentukan.
- (ii) *Lesen dan permit*
Lesen dan permit berhubung dengan pemberian kelulusan atau kebenaran kepada individu, perbadanan, perniagaan dan perusahaan-perusahaan lain untuk tujuan peraturan dan kawalan diiktiraf apabila ia dikeluarkan. Ianya termasuk lesen pelabuhan.
- (iii) *Faedah dan dividen*
Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil berkesan atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil berkesan ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

Pendapatan dividen pula diiktiraf apabila hak untuk menerima pembayaran telah dapat ditentukan.

3.11 Tunai dan Kesetaraan Tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di tangan dan di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen dan institusi kewangan yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3. Dasar-dasar Perakaunan (Sambungan)

3.12 Manfaat Pekerja

3.12.1 Manfaat kakitangan jangka pendek

LPB sebagai sebuah pihak berkuasa tempatan adalah tertakluk kepada peraturan-peraturan perjawatan yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA). Manfaat kakitangan yang digariskan oleh JPA adalah gaji pokok, elaun-elaun tetap, elaun-elaun berubah, pelbagai cuti termasuk cuti tahunan sehingga 35 hari, kemudahan perubatan di panel-panel klinik dan hospital swasta yang dilantik, kemudahan pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer.

Manfaat kakitangan jangka pendek termasuk gaji, upah, bonus dan caruman keselamatan sosial diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tahun di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja. Pengumpulan ganti rugi jangka pendek bagi ketidakhadiran seperti cuti tahunan bergaji akan diambilkira apabila perkhidmatan diberikan oleh kakitangan di mana hak mereka terhadap ganti rugi ketidakhadiran di masa hadapan akan meningkat dan ganti rugi jangka pendek yang tidak dikumpulkan di atas ketidakhadiran seperti cuti sakit akan dikira apabila ketidakhadiran berlaku.

3.12.2 Manfaat selepas perkhidmatan

(i) Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)

LPB mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut diiktiraf ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(ii) Kumpulan Wang Persaraan (KWAP)

LPB mencarum kepada Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) bagi kakitangan yang diberi taraf berpencen pada kadar yang dikanunkan. Caruman tersebut diiktiraf ke dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh kewangan ianya berlaku.

(iii) Gantian Cuti Rehat

Bagi kakitangan tetap LPB sama ada memilih skim berpencen mahupun KWSP akan mendapat ganjaran cuti rehat (GCR) apabila tiba umur persaraan mereka. Ganjaran ini adalah berdasarkan Pekeliling Perkhidmatan yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) dan digunakan oleh LPB.

GCR akan diambilkira apabila perkhidmatan telah diberikan oleh semua kakitangan yang mana ia telah meningkatkan hak mereka ke atas ganjaran ketidakhadiran di masa hadapan sehingga maksimum 150 hari. Obligasi LPB berhubung dengan GCR ini adalah untuk menganggar amaun manfaat masa hadapan yang akan diperoleh oleh kakitangan sebagai balasan kepada perkhidmatan mereka dalam tempoh semasa dan tempoh terdahulu; manfaat tersebut didiskaunkan untuk menentukan nilai kininya. Sebarang kos perkhidmatan lampau yang tidak diiktiraf dan nilai kini pelan aset, jika ada perlu ditolak. Kadar diskaun adalah kadar hasil bon Kerajaan pada tarikh pelaporan. Pengiraan dilakukan setiap tahun menggunakan Kaedah Unjuran Unit Kredit. Semua perubahan dalam peruntukan GCR diiktiraf sepenuhnya dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh ia berlaku.

Bagi kakitangan kontrak, GCR hanya untuk tahun semasa sahaja dan bayaran akan dilakukan berdasarkan jumlah yang terkumpul. GCR tidak terkumpul sehingga tempoh bersara.

3. Dasar-dasar Perakaunan (Sambungan)

3.13 Maklumat Bajet

Bajet tahunan disediakan berdasarkan asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akrual, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar disediakan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

Bajet tahunan LPB telah disediakan berdasarkan Seksyen 19 dan 20 Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981. Bajet tahunan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perancangan LPB untuk diperakukan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah LPB untuk kelulusan dan seterusnya diangkat untuk kelulusan YB Menteri Pengangkutan Malaysia.

3.14 Mengofset Instrumen Kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya diofset jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

3.15 Kakitangan Penting Pengurusan

Kakitangan penting pengurusan ditakrifkan sebagai individu-individu yang mempunyai kuasa serta tanggungjawab untuk merancang, mengarah dan mengawal aktiviti LPB secara langsung atau tidak langsung.

LPB menganggap kakitangan penting pengurusan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas LPB, atau sebaliknya. Kakitangan penting pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan dan terdiri daripada Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Pengarah LPB.

3.16 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila LPB mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila LPB menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

3.17 Liabiliti Luar Jangka dan Aset Luar Jangka

3.17.1 Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan LPB keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.

3.17.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh LPB. LPB tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

3. Dasar-dasar Perakaunan (Sambungan)

3.18 Liabiliti Kewangan

- 3.18.1** Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila LPB menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 3.18.2** Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.
- 3.18.3** Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman dan belum bayar.

- 3.18.4** LPB mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut :

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

- 3.18.5** Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

3. Dasar-dasar Perakaunan (Sambungan)

3.19 Pertimbangan Perakaunan Kritikal dan Sumber Utama Ketidakpastian Anggaran

3.19.1 Pertimbangan perakaunan kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain yang dinyatakan di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

LPB sebagai pemberi pajak

LPB telah memasuki beberapa perjanjian pajakan di mana LPB adalah pemberi pajak. LPB telah menetapkan, berdasarkan penilaian terhadap terma dan syarat perjanjian bahawa ia mengekalkan semua risiko dan ganjaran pemilikan aset dan mengakaunkan perjanjian pajakan tersebut sebagai pajakan operasi.

3.19.2 Sumber utama ketidakpastian anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

(i) **Pengukuran peruntukan**

LPB sentiasa menggunakan anggaran terbaik sebagai asas untuk mengukur sesuatu peruntukan itu. Anggaran itu dibuat berdasarkan kepada pengalaman lalu, lain-lain petunjuk atau andaian, perkembangan terkini dan peristiwa masa hadapan yang munasabah dalam menentukan sesuatu peruntukan.

(ii) **Kerugian rosotnilai bagi belum terima**

LPB menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosotnilai, LPB menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

(iii) **Penentuan hartanah pelaburan**

Sebahagian daripada hartanah LPB adalah dipegang untuk mendapatkan pendapatan sewa atau untuk tujuan peningkatan nilai atau untuk kedua-duanya manakala sebahagian yang lain pula dipegang untuk kegunaan sendiri. Jika bahagian sesuatu hartanah itu yang dipegang untuk tujuan mendapatkan pendapatan sewa atau untuk peningkatan nilai boleh dijual secara berasingan atau dipajak secara berasingan sebagai pajakan kewangan, maka LPB akan mengkategorikan bahagian tersebut sebagai hartanah pelaburan. Jika sesuatu bahagian hartanah itu tidak boleh dijual atau dipajak secara berasingan, maka ia akan diklasifikasikan sebagai hartanah pelaburan jika sebahagian hartanah yang lain yang dipegang untuk kegunaan sendiri adalah tidak signifikan.

(iv) **Perubahan anggaran jangka hayat bagi hartanah, loji dan peralatan, hartanah pelaburan dan aset tak ketara**

Semua hartanah, loji dan peralatan, hartanah pelaburan dan aset tak ketara disusutnilaikan atau dilunaskan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset-aset tersebut. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai atau pelunasan aset pada masa hadapan akan disemak semula.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

3. Dasar-dasar Perakaunan (Sambungan)

3.20 Kesan Pemakaian MPSAS

Penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan yang terakhir bagi LPB untuk mematuhi rangka kerja perakaunan MPSAS secara keseluruhannya di mana di dalam penyata kewangan peralihan sebelum ini, Majlis telah memilih beberapa peruntukan dan pengecualian samada ia memberi kesan yang ketara atau tidak ketika menyediakan penyata kewangan peralihan tersebut. Memandangkan penyata kewangan ini adalah merupakan penyata kewangan peralihan yang terakhir, peruntukan dan pengecualian berikut telah diambil kira di dalam penyediaan penyata kewangan tahun semasa.

Pengukuran aset kewangan sedia untuk dijual

Sebahagian daripada pelaburan LPB yang terdiri daripada saham disenaraikan dan dana pengurusan tunai adalah merupakan aset kewangan yang dikategorikan sebagai aset kewangan sedia untuk dijual. Di dalam tempoh peralihan sebelum ini, pelaburan ini diukur terendah antara kos dan nilai saksama. Ini bermakna jika nilai saksama adalah lebih rendah daripada kos pelaburan, maka peruntukan rosot nilai akan dibuat dan dicajkan kepada penyata prestasi kewangan. Apabila nilai saksama melebihi daripada kos pelaburan, maka peruntukan rosot nilai yang dibuat sebelum ini akan dikreditkan ke penyata prestasi kewangan setakat kos sesuatu pelaburan tersebut.

Di dalam tahun kewangan semasa, LPB telah melaraskan nilai dibawa pelaburannya pada nilai saksama kerana ia mempunyai harga pasaran yang aktif. Sebarang perubahan ke atas nilai saksama akan diiktiraf secara langsung di dalam penyata aset bersih sehingga aset kewangan itu dinyahiktiraf.

Pengukuran baki hutang premium tanah baharu kepada Kerajaan Negeri Sarawak

Pada 01 Januari 2019, baki jumlah hutang premium tanah baharu yang perlu dibayar kepada Kerajaan Negeri Sarawak adalah berjumlah RM35,020,800 dengan pembayaran tahunan sebanyak RM7,004,160 tanpa bayaran faedah. Baki jumlah hutang ini akan dapat diselesaikan sepenuhnya di dalam tahun kewangan 2023. Di dalam tempoh peralihan sebelum ini, tiada kos kewangan yang direkodkan di dalam penyata prestasi kewangan berkaitan dengan pembayaran hutang tersebut.

Di dalam tahun kewangan semasa, LPB telah melaraskan nilai dibawa hutang premium tanah ini di mana selepas pengiktirafan awal, hutang premium ini telah dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan.

Kesan kepada perkara-perkara di atas adalah seperti berikut:

	Baki pada 01 Januari 2019 (Seperti Dinyatakan Terdahulu) RM	Kesan MPSAS RM	Baki pada 01 Januari 2019 (Seperti Dinyatakan Semula) RM
Pelaburan	461,244,008	67,549	461,311,557
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	28,016,640	(3,839,524)	24,177,116
Kumpulan Wang Mengurus	1,918,802,311	6,532,622	1,925,334,933
Rizab aset kewangan sedia untuk dijual	-	(2,625,549)	(2,625,549)

3. Dasar-dasar Perakaunan (Sambungan)

3.21 Pajak

LPB sebagai pemberi pajak

Pajakan di mana LPB tidak memindahkan sebahagian besar risiko dan faedah pemilikan sesuatu aset dikelaskan sebagai pajakan operasi. Kos langsung awal yang ditanggung dalam rundingan pajakan operasi ditambah kepada jumlah bawaan aset yang dipajak dan diiktiraf dalam tempoh pajakan.

LPB sebagai penerima pajak

Pajakan kewangan memindahkan, sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset yang dipajak kepada LPB sebagai penerima pajak. Pengiktirafan awal untuk pajakan kewangan mengiktiraf aset dan liabiliti pada amaun terendah antara nilai saksama aset yang dipajak dan nilai kini bayaran pajakan minimum.

Selepas pengiktirafan awal, pembayaran pajakan dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan untuk mencapai kadar faedah yang berterusan ke atas baki liabiliti. Caj kewangan diiktiraf sebagai kos kewangan dalam penyata prestasi kewangan.

Aset yang dipegang di bawah pajakan kewangan disusutnilai sepanjang hayat berguna aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tidak ada kepastian yang munasabah bahawa LPB akan memperoleh pemilikan aset tersebut pada akhir tempoh pajakan, aset itu disusutnilai sepanjang jangka masa hayat berguna yang dianggarkan dan tempoh pajakan.

Pajakan operasi, mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan pemberi pajak. Ia diiktiraf secara sistematik sepanjang tempoh pajakan. Penambahbaikan pegangan pajakan dipermodalkan dan kosnya dilunaskan sepanjang baki tempoh pajakan atau anggaran usia guna penambahbaikan dengan mengambil tempoh yang lebih pendek. Insentif pajakan yang diterima diiktiraf dengan kadar sama rata ke atas jangka masa pajakan sebagai pengurangan belanja sewa.

3.22 Aset Tak Ketara

- 3.22.1 Aset tak ketara diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada LPB dan kos atau nilai saksama aset boleh diukur dengan pasti.
- 3.22.2 Aset tak ketara yang dibeli secara berasingan adalah diukur pada kos pada awalnya manakala aset yang diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran akan diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Selepas itu, aset tak ketara diukur pada kos ditolak sebarang pelunasan terkumpul dan sebarang kerugian rosotnilai terkumpul, jika ada. Kos yang berkaitan dengan aset tak ketara yang dijanakan secara dalaman diiktiraf sebagai perbelanjaan.
- 3.22.3 Sesuatu aset tak ketara itu akan dinilai samada terdapat tempoh jangkaan hayat ataupun tidak. Jika aset tak ketara itu tidak mempunyai jangkaan hayat, maka ia tidak perlu dilunaskan tetapi perlu dinilai sama ada perlu dibuat rosotnilai jika terdapat sebarang petunjuk.
- 3.22.4 Aset tak ketara terdiri daripada perisian komputer dilunaskan berdasarkan jangkaan hayat selama 3 tahun.
- 3.22.5 Pada setiap tarikh pelaporan, tempoh dan keadaan pelunasan akan dikaji semula jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak penggunaan aset sejak tarikh pelaporan tahunan yang lalu dan akan dilaraskan secara prospektif, jika perlu.
- 3.22.6 Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf aset tak ketara adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambilkira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

4. Bantuan kewangan

	2019	2018
	RM	RM
Bantuan kewangan daripada Lembaga Pelabuhan Labuan	6,510,898	6,194,001

Dianalisa seperti berikut:

	2019	2018
	RM	RM
Semasa	1,000,000	1,000,000
Bukan semasa	5,510,898	5,194,001
	<u>6,510,898</u>	<u>6,194,001</u>

Seperti yang dinyatakan dalam Kertas Keputusan No. 4/2017 - Kertas Cadangan Untuk Menyemak Semula Peruntukan Dana Permulaan Bagi Penubuhan Lembaga Pelabuhan Labuan (LPL) melalui perluasan kuasa Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) di bawah Akta 243, Akta Pelabuhan Bintulu di mana:

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan cadangan geran permulaan (start up grant) berjumlah RM3,000,000 setahun bagi tempoh 2 tahun mulai tahun kewangan 2017.

Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa LPB boleh memperolehi pulangan daripada geran permulaan ini dengan:-

- (a) Mengenakan caj management fees setiap tahun terhadap LPL kerana menggunakan kepakaran kakitangan LPB untuk mengawalselia.
- (b) Mengenakan mekanisme profit sharing kepada LPL.

Terminologi 'geran permulaan' ini telah dipinda kepada 'bantuan kewangan' kerana geran hanya diberikan oleh Kerajaan kepada agensi di bawahnya dan bukannya agensi kepada agensi. Geran permulaan ini adalah lebih kepada bantuan kewangan yang diberikan oleh LPB kepada Lembaga Pelabuhan Labuan sebagai sumber kewangan untuk membiayai operasi Lembaga Pelabuhan Labuan.

Bantuan kewangan ini dikenakan kadar keuntungan sebanyak 5% setahun dan tidak bercagar.

5. Urusniaga Pertukaran Belum Terima

	2019	2018
	RM	RM
<i>Semasa</i>		
Faedah dan dividen belum terima	18,263,150	7,639,719
Penghutang sewa pajakan	15,807,436	15,465,152
Penghutang sewa bangunan LPB	4,931	33,032
Penghutang sewa ruang	1,300	4,904
Pendapatan sewa bangunan belum terima	933	1,756
Pendapatan air dan elektrik belum terima	5,834	5,137
Surcaj	-	2,596
Pinjaman kakitangan	160,459	148,719
	<u>34,244,042</u>	<u>23,301,015</u>
<i>Bukan semasa</i>		
Pinjaman kakitangan	3,979,474	4,341,101
	<u>3,979,474</u>	<u>4,341,101</u>
	<u>38,223,517</u>	<u>27,642,116</u>

Tempoh kredit LPB kebiasaannya di antara 30 hingga 90 hari. Lain-lain tempoh kredit dinilai dan diluluskan mengikut kes demi kes.

Faedah dan dividen belum terima adalah merupakan faedah dan dividen yang akan diterima daripada pelaburan-pelaburan yang dibuat oleh LPB.

Termasuk di dalam penghutang sewa pajakan adalah jumlah terhutang dari Bintulu Port Sdn Bhd berjumlah RM13,287,283 (2018: RM13,467,370) iaitu mewakili kira-kira 84% (2018: 87%) daripada jumlah penghutang sewa pajakan. Jumlah terhutang ini adalah bagi sewa pajakan tanah dan fasiliti di kawasan non-demised.

Pinjaman kakitangan terdiri daripada pinjaman perumahan, kenderaan dan komputer. Pinjaman ini tidak bercagar dan dikenakan faedah pada kadar 4% setahun serta mempunyai tempoh pembayaran balik pinjaman di antara 1 - 30 tahun.

Analisa pengumuran urusniaga pertukaran belum terima (semasa sahaja) adalah seperti berikut:

	2019	2018
	RM	RM
Belum melepasi tempoh kena dibayar	18,423,609.06	7,788,438.00
Melepasi tempoh kena dibayar 01 hingga 30 hari tetapi tidak dirosot nilai	15,812,367	15,501,587
Melepasi tempoh kena dibayar 31 hingga 60 hari tetapi tidak dirosot nilai	-	1,194
Melepasi tempoh kena dibayar 61 hingga 90 hari tetapi tidak dirosot nilai	650	-
Melepasi tempoh kena dibayar 91 hari tetapi tidak dirosot nilai	7,417	9,797
	<u>34,244,042</u>	<u>23,301,015</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

6. Pelbagai Akaun Belum Terima dan Deposit

	2019 RM	2018 RM
Cukai barangan dan perkhidmatan akan dikembalikan	2,839,516	2,839,516
Hutang pengurus dana	688,287	904,441
Deposit cagaran elektrik	1,150	1,150
Deposit bahan api	5,000	5,000
Deposit cagaran air	4,560	4,560
Siberhutang lain-lain	42,599	-
Surcaj belum terima	-	77
	3,581,113	3,754,744

Hutang pengurus dana adalah merupakan hutang terakru bagi bayaran pengurusan saham dan broker.

7. Pelaburan Lain

	Nilai Dibawa		Nilai Saksama	
	2019 RM	2018 RM	2019 RM	2018 RM
<i>Semasa</i>				
<i>Short Term Money Market Deposit</i>	5,880,000	4,050,000	5,880,000	4,050,000
	5,880,000	4,050,000	5,880,000	4,050,000
<i>Bukan semasa</i>				
Saham disenaraikan	4,575,726	3,481,453	4,575,726	3,481,453
Dana Pengurusan Tunai	470,096,779	452,808,114	470,096,779	452,875,663
	474,672,505	456,289,567	474,672,505	456,357,116
	480,562,505	460,339,567	480,552,505	460,407,116

Jumlah kos pelaburan saham disenaraikan dan Dana Pengurusan Tunai masing-masing berjumlah RM4,496,836 dan RM471,200,163 (2018: RM4,982,665 dan RM454,000,000).

Short Term Money Market Deposit mempunyai tempoh matang selama 1-14 hari dengan purata wajaran kadar faedah berkesan pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah antara 2.40% - 2.50% setahun (2018: 1.5% - 2.45% setahun).

Nilai saksama saham disenaraikan dan Dana Pengurusan Tunai ditentukan dengan merujuk kepada sebut harga yang diterbitkan dalam pasaran aktif.

8. Simpanan Tetap

	2019 RM	2018 RM
Bank berlesen	494,050,000	411,650,000
	494,050,000	411,650,000

Simpanan tetap ditempatkan di bank berlesen yang diluluskan.

Purata wajaran kadar faedah berkesan simpanan tetap pada tarikh kedudukan kewangan adalah 3.37% - 4.10% setahun (2018: 3.70% - 4.60% setahun).

9. Tunai dan Baki Bank

	2019 RM	2018 RM
Tunai di tangan	550	550
Baki di bank	45,975	140,384
	46,525	140,934

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

10. Hartanah, loji dan peralatan

	Baki Pada 01.01.2019 RM	Pertambahan RM	Pelarasan RM	Pelupusan/ Hapuskira RM	Baki Pada 31.12.2019 RM
Kos					
Perkakas pejabat dan lain-lain	3,150,944	35,274	-	(266,251)	2,919,967
Kenderaan bermotor	2,503,506	-	-	(93,804)	2,409,702
Perabot dan kelengkapan	1,129,407	5,000	-	(61,450)	1,072,957
	6,783,857	40,274	-	(421,505)	6,402,626

	Baki Pada 01.01.2019 RM	Susutnilai Tahun Semasa RM	Pelarasan RM	Pelupusan/ Hapuskira RM	Baki Pada 31.12.2019 RM
Susutnilai Terkumpul					
Perkakas pejabat dan lain-lain	1,759,934	228,407	-	(219,871)	1,768,470
Kenderaan bermotor	2,086,798	166,236	-	(88,671)	2,164,363
Perabot dan kelengkapan	976,106	29,365	-	(61,450)	944,021
	4,822,838	424,008	-	(369,992)	4,876,854

	Baki Pada 01.01.2018 RM	Pertambahan RM	Pelarasan RM	Pelupusan/ Hapuskira RM	Baki Pada 31.12.2018 RM
Kos					
Perkakas pejabat dan lain-lain	3,083,905	67,039	-	-	3,150,944
Kenderaan bermotor	2,346,106	157,400	-	-	2,503,506
Perabot dan kelengkapan	1,126,707	2,700	-	-	1,129,407
	6,556,718	227,139	-	-	6,783,857

	Baki Pada 01.01.2018 RM	Susutnilai Tahun Semasa RM	Pelarasan RM	Pelupusan/ Hapuskira RM	Baki Pada 31.12.2018 RM
Susutnilai Terkumpul					
Perkakas pejabat dan lain-lain	1,519,967	239,967	-	-	1,759,934
Kenderaan bermotor	1,896,819	189,979	-	-	2,086,798
Perabot dan kelengkapan	944,135	31,971	-	-	976,106
	4,360,921	461,917	-	-	4,822,838

	Baki Pada 31.12.2019 RM	Baki Pada 31.12.2018 RM
Nilai Dibawa		
Perkakas pejabat dan lain-lain	1,151,497	1,391,010
Kenderaan bermotor	245,339	416,708
Perabot dan kelengkapan	128,936	153,301
	1,525,772	1,961,019

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

11. Hartanah Pelaburan

	Baki Pada 01.01.2019	Pertambahan	Pindahan dari (Nota 12)	Pelupusan/ Hapuskira	Baki Pada 31.12.2019
	RM	RM	RM	RM	RM
Kos					
Tanah pegangan pajakan	190,664,914	-	-	-	190,664,914
Bangunan dan struktur pelabuhan	2,018,011,048	-	719,861	-	2,018,730,909
	<u>2,208,675,962</u>	<u>-</u>	<u>719,861</u>	<u>-</u>	<u>2,209,395,823</u>
	Baki Pada 01.01.2019	Susutnilai Tahun Semasa	Pindahan dari (Nota 12)	Pelupusan/ Hapuskira	Baki Pada 31.12.2019
	RM	RM	RM	RM	RM
Susutnilai Terkumpul					
Tanah pegangan pajakan	19,798,869	1,925,715	-	-	21,724,584
Bangunan dan struktur pelabuhan	842,417,163	37,071,830	-	-	879,488,993
	<u>862,216,032</u>	<u>38,997,545</u>	<u>-</u>	<u>-</u>	<u>901,213,577</u>
	Baki Pada 01.01.2018	Pertambahan	Pindahan dari (Nota 12)	Pelupusan/ Hapuskira	Baki Pada 31.12.2018
	RM	RM	RM	RM	RM
Kos					
Tanah pegangan pajakan	190,664,914	-	-	-	190,664,914
Bangunan dan struktur pelabuhan	2,017,650,587	160,409	299,856	(99,804)	2,018,011,048
	<u>2,208,315,501</u>	<u>160,409</u>	<u>299,856</u>	<u>(99,804)</u>	<u>2,208,675,962</u>
	Baki Pada 01.01.2018	Susutnilai Tahun Semasa	Pindahan dari (Nota 12)	Pelupusan/ Hapuskira	Baki Pada 31.12.2018
	RM	RM	RM	RM	RM
Susutnilai Terkumpul					
Tanah pegangan pajakan	17,873,154	1,925,715	-	-	19,798,869
Bangunan dan struktur pelabuhan	805,406,242	37,068,192	-	(57,271)	842,417,163
	<u>823,279,396</u>	<u>38,993,907</u>	<u>-</u>	<u>(57,271)</u>	<u>862,216,032</u>
				Baki Pada 31.12.2019	Baki Pada 31.12.2018
				RM	RM
Nilai Dibawa					
Tanah pegangan pajakan				168,940,330	170,866,045
Bangunan dan struktur pelabuhan				1,139,241,916	1,175,593,885
				<u>1,308,182,246</u>	<u>1,346,459,930</u>

Hasil sewa daripada hartanah pelaburan adalah berjumlah RM135,519,274 (2018: RM135,502,907).

Belanja operasi langsung termasuk pembaikan dan penyelenggaraan yang terlibat daripada hartanah pelaburan yang menjana hasil sewa adalah berjumlah RM3,532,360 (2018: RM3,509,806).

Belanja operasi langsung termasuk pembaikan dan penyelenggaraan yang terlibat daripada hartanah pelaburan yang tidak menjana hasil sewa adalah berjumlah RM39,176,508 (2018: RM33,162,003).

LPB berpendapat bahawa nilai saksama hartanah pelaburan di atas adalah melebihi daripada nilai kos.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

12. Kerja dalam kemajuan

	2019 RM	2018 RM
Baki pada 01 Januari	49,390,404	337,465
Tambahan semasa	35,359	49,352,795
Baki pada 31 Disember	49,425,763	49,690,260
Tolak:		
Pindahan ke hartanah pelaburan (Nota 11)	(719,861)	(299,856)
	(719,861)	(299,856)
Baki sehingga 31 Disember	48,705,902	49,390,404

Kerja dalam kemajuan ini adalah merujuk kepada projek **Design & Build** Pembangunan Dermaga Projek Supply Base Dan Kerja - Kerja Berkaitan di Basin Kedua Pelabuhan Bintulu, Sarawak yang dilaksanakan oleh syarikat Muhibbah-Viccana JV (MVJV). Walau bagaimanapun, projek ini telah dibatalkan di dalam tahun kewangan 2018. Susulan daripada pembatalan tersebut, LPB telah melantik juruperunding bebas bagi menilai tuntutan-tuntutan yang akan dikemukakan oleh sebab pembatalan kontrak tersebut. Jawatankuasa Timbang Tara akan membincang dan membuat keputusan mengenai perkara yang dibangkitkan berdasarkan penilaian daripada juruperunding bebas yang dilantik. Sehingga laporan ini disediakan, laporan daripada juruperunding bebas masih belum dimuktamadkan. Oleh itu, LPB tidak dapat menjangka jumlah komitmen modal serta keperluan untuk membuat rosotnilai ataupun sebaliknya.

13. Aset Tak Ketara

	Baki Pada 01.01.2019 RM	Pertambahan RM	Pelarasan RM	Pelupusan/ Hapuskira RM	Baki Pada 31.12.2019 RM
Kos					
Perisian komputer	3,252,585	-	-	-	3,252,585
	3,252,585	-	-	-	3,252,585
	Baki Pada 01.01.2019 RM	Pelunasan Tahun Semasa RM	Pelarasan RM	Pelupusan/ Hapuskira RM	Baki Pada 31.12.2019 RM
Susutnilai Berkumpul					
Perisian komputer	3,238,824	6,507	-	-	3,245,331
	3,238,824	6,507	-	-	3,245,331
	Baki Pada 01.01.2018 RM	Pertambahan RM	Pelarasan RM	Pelupusan/ Hapuskira RM	Baki Pada 31.12.2018 RM
Kos					
Perisian komputer	3,252,585	-	-	-	3,252,585
	3,252,585	-	-	-	3,252,585
	Baki Pada 01.01.2018 RM	Pelunasan Tahun Semasa RM	Pelarasan RM	Pelupusan/ Hapuskira RM	Baki Pada 31.12.2018 RM
Susutnilai Berkumpul					
Perisian komputer	3,228,147	10,677	-	-	3,238,824
	3,228,147	10,677	-	-	3,238,824

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

13. Aset Tak Ketara (Sambungan)

	Baki Pada 31.12.2019 RM	Baki Pada 31.12.2018 RM
Nilai Dibawa		
Perisian komputer	7,254	13,761

14. Urusniaga Pertukaran Belum Bayar

	2019 RM	2018 RM
Pendahuluan pendapatan diterima daripada:		
Lesen tahunan	50,000	-
Sewa bangunan	115,754	105,231
Sewa pajakan tambahan	37,695,964	34,385,152
Elektrik bangunan	40,758	65,992
Jabatan Kesihatan	100	-
	37,902,576	34,556,375

Sewa pajakan tambahan diterima terdahulu ini adalah merupakan inbois suku tahun pertama tahun berikutnya yang dikeluarkan di dalam bulan Disember tahun semasa kerana sewa pajakan perlu dibayar sebelum atau pada 1 Januari setiap tahun. Jumlah ini akan dikreditkan ke penyata prestasi kewangan mengikut tempoh sewaan.

15. Pelbagai Akaun Belum Bayar dan Perbelanjaan Terakru

	2019 RM	2018 RM
<i>Semasa</i>		
Deposit sewa diterima	318,909	435,559
Deposit tender dan sebut harga diterima	100,000	100,000
Yuran perkhidmatan cukai, audit dan lain-lain	1,901,644	415,846
Premium tanah lot baharu	7,004,160	7,004,160
Pendahuluan luar negeri	694	-
	9,325,407	7,955,565
<i>Bukan semasa</i>		
Premium tanah lot baharu	18,420,207	28,016,640
	18,420,207	28,016,640
	27,745,614	35,972,205

Premium tanah lot baharu terdiri daripada baki bayaran premium tanah kepada Kerajaan Negeri Sarawak untuk Lot 1244, 1245, 2637 dan 2638.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

16. Peruntukan Manfaat Kakitangan

	2019 RM	2018 RM
Baki pada 01 Januari	723,296	638,796
Tambahan	-	84,500
(Terlebih)/Terkurang tahun sebelum	(563,617)	-
Tolak: Bayaran kepada pegawai dan kakitangan	-	-
	<u>(563,617)</u>	<u>84,500</u>
Baki pada 31 Disember	<u>159,679</u>	<u>723,296</u>
Dianalisa seperti berikut:		
Semasa	-	-
Bukan semasa	159,679	723,296
	<u>159,679</u>	<u>723,296</u>

Andaian-andaian penting berikut telah digunakan ketika membuat peruntukan manfaat kakitangan:

	2019 %	2018 %
Kadar diskaun	4	-
Kadar kenaikan gaji	Mengikut gred jawatan	Mengikut gred jawatan

17. Geran Tertunda

	2019 RM	2018 RM
Baki pada 01 Januari	237,335,554	248,974,188
Pelunasan ke penyata prestasi kewangan (Nota 21)	(11,638,634)	(11,638,634)
Baki pada 31 Disember	<u>225,696,920</u>	<u>237,335,554</u>
Dianalisa seperti berikut:		
Semasa	11,638,634	11,638,634
Bukan semasa	214,058,286	225,696,920
	<u>225,696,920</u>	<u>237,335,554</u>

Geran ini adalah merupakan sebahagian besar daripada kos awal pembinaan Pelabuhan Bintulu yang dibiayai oleh Kerajaan Persekutuan.

18. Liabiliti Cukai Tertunda

	2019 RM	2018 RM
<i>Peningkatan elaun modal ke atas susutnilai</i>		
Baki pada 01 Januari	98,356,618	92,762,210
Pindahan ke penyata prestasi kewangan (Nota 28)	3,616,724	5,594,408
Baki pada 31 Disember	<u>101,973,342</u>	<u>98,356,618</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

19. Urusniaga Pertukaran

	2019 RM	2018 RM
Lesen dan permit	50,000	50,000
Pendapatan sewa	135,519,274	135,502,907
Faedah dan dividen	39,728,828	29,733,702
	<u>175,298,102</u>	<u>165,286,609</u>

20. Urusniaga Bukan Pertukaran

	2019 RM	2018 RM
Geran kerajaan dilunaskan	11,638,634	11,638,634

21. Lain-Lain Hasil

	2019 RM	2018 RM
Keuntungan daripada jualan hartanah, loji dan peralatan	14,049	-
Keuntungan daripada jualan pelaburan	149,094	116,494
Terlebih peruntukan manfaat kakitangan	563,617	-
Lain-lain	134,449	103,738
	<u>861,209</u>	<u>220,232</u>

22. Emolumen

	2019 RM	2018 RM
Gaji dan upah	3,917,242	3,723,582
Elaun tetap	1,224,971	1,197,680
Sumbangan berkanun untuk kakitangan	669,645	647,559
Elaun lebih masa	27,323	32,092
Faedah-faedah kewangan yang lain	425,426	432,169
	<u>6,264,607</u>	<u>6,033,082</u>

23. Perkhidmatan dan Bekalan

	2019 RM	2018 RM
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup	2,514,637	2,597,759
Pengangkutan barang-barang	7,341	20,683
Perhubungan dan utiliti	1,099,180	1,074,912
Sewaan	202,309	54,458
Bekalan bahan mentah dan bahan untuk penyelenggaraan pembaikan	36,559	46,851
Bekalan dan bahan-bahan lain	562,110	454,645
Pemberian Dwi fungsi Labuan	739,443	739,200
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli	2,241,405	2,193,618
Perkhidmatan ikhtisas dan lain yang dibeli dan hospitaliti	18,670,793	16,705,916
Dasar baru dan one-off	2,296,191	892,382
	<u>28,369,968</u>	<u>24,780,424</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

23. Perkhidmatan dan Bekalan (Sambungan)

Termasuk di dalam perkhidmatan ikhtisas dan lain yang dibeli dan hospitaliti adalah:

	2019 RM	2018 RM
Belanja perubatan	2,505,885	2,589,427
Perunding pemantauan dan audit dalam alam sekitar	5,272,980	2,730,027
Perunding pengurusan projek dan pematuhan alam sekitar	1,953,110	2,547,598
Bayaran insentif	2,647,644	2,377,808
	<hr/>	<hr/>

24. Pemberian dan Kenaan Bayaran Tetap

	2019 RM	2018 RM
Derma	1,730,785	326,544
Pemberian kepada 40 rejimen	5,000	5,000
Pemberian kepada kelab sukan dan Rekreasi LPB	580,078	265,399
Ganjaran cuti rehat	-	3,250
	<hr/>	<hr/>
	2,315,863	600,193

25. Perbelanjaan Lain-lain

	2019 RM	2018 RM
Cukai tanah	2,981,572	2,981,572
Cukai pintu	231,121	231,121
Cukai jalan	598	4,562
Zakat perniagaan	1,500,000	1,500,000
Kerugian daripada penjualan / hapuskira aset	17,013	-
Kerugian daripada penjualan pelaburan	663,236	-
Perbelanjaan GST	-	41,326
Premium insuran dan komisen bank	319,065	353,229
Yuran persatuan	18,359	19,267
	<hr/>	<hr/>
	5,730,963	5,131,077

26. Kos Kewangan

	2019 RM	2018 RM
Belanja faedah ke atas premium tanah baharu	1,247,251	-
	<hr/>	<hr/>

27. Lebihan Sebelum Cukai

Lebihan sebelum cukai diperolehi selepas mencajkan yuran juruaudit berjumlah RM49,667 (2018: RM46,857).

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

28. Cukai

	2019 RM	2018 RM
Perbelanjaan cukai pendapatan semasa	20,247,211	16,667,000
Perbelanjaan cukai tertunda yang berkaitan dengan permulaan dan pembalikan perbezaan sementara (Nota 18)	3,616,724	5,594,408
	<u>23,863,935</u>	<u>22,261,408</u>
Terkurang peruntukan cukai pendapatan tahun sebelumnya	666,706	812,541
	<u>24,530,641</u>	<u>23,073,949</u>
Penyata penyesuaian perbelanjaan cukai dengan keuntungan perakaunan:		
Lebih sebelum cukai	<u>104,413,766</u>	<u>98,112,015</u>
Cukai pada kadar cukai pendapatan semasa sebanyak 24%	25,059,304	23,546,884
Pendapatan tidak dikenakan cukai	(4,961,066)	(4,891,978)
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tujuan cukai	3,765,698	3,606,502
Terkurang peruntukan cukai pendapatan tahun sebelumnya	666,706	812,541
	<u>24,530,641</u>	<u>23,073,949</u>

29. Sumber Manusia

Bagi tahun kewangan berakhir 2019, LPB mempunyai pegawai dan kakitangan seramai 86 orang (2018: 86). Kategori jumlah pegawai dan kakitangan adalah seperti berikut:

	2019 RM	2018 RM
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	1	1
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	28	28
Kumpulan Pelaksana	57	57

30. Ganjaran Kakitangan Penting Pengurusan

Kakitangan penting pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti-aktiviti LPB samada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting pengurusan LPB adalah terdiri dari Pengerusi dan ahli-ahli Lembaga Pengarah yang dilantik oleh Y.B. Menteri Pengangkutan. Ganjaran yang diterima oleh kakitangan penting pengurusan adalah seperti berikut:

	2019 RM	2018 RM
Ganjaran	<u>520,330</u>	<u>627,658</u>
Jumlah Pengerusi dan Ahli-ahli Lembaga Pengarah	<u>12 orang</u>	<u>12 orang</u>

31. Instrumen Kewangan

31.1 Objektif dan polisi risiko pengurusan kewangan

Dasar pengurusan risiko kewangan LPB bertujuan untuk memastikan bahawa terdapatnya sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan perniagaan, menguruskan risiko kredit, risiko pasaran dan risiko kecairan. LPB beroperasi di bawah garis panduan yang telah ditetapkan dengan jelas yang diluluskan oleh Lembaga dan dasar LPB adalah untuk tidak melibatkan LPB dalam urusan spekulatif.

31.2 Risiko kredit

Risiko kredit atau risiko pihak ketiga gagal membayar, dikawal dengan penerapan tatacara kelulusan kredit, had dan pengawasan yang ketat. Risiko kredit diminimumkan dan diawasi secara ketat dengan menghadkan kerjasama LPB dengan rakan perniagaan yang mempunyai kepercayaan kredit yang tinggi. Penghutang diawasi secara berterusan melalui tatacara pelaporan pengurusan LPB.

LPB tidak mempunyai pendedahan yang besar terhadap mana-mana pelanggan individu atau pihak ketiga mahupun sebarang penumpuan besar bagi risiko kredit yang berkaitan dengan sebarang instrumen kewangan selain yang dinyatakan secara berasingan di dalam nota yang berkaitan.

31.3 Risiko pasaran

Risiko pasaran adalah risiko perubahan harga pasaran seperti kadar faedah, yang mempengaruhi pendapatan LPB atau nilai pegangan instrumen kewangannya. Objektif pengurusan risiko pasaran adalah untuk mengurus dan mengawal pendedahan risiko pasaran dalam parameter yang boleh diterima, sambil mengoptimumkan pulangan atas risiko. Kadar faedah purata wajaran dan profil matang instrumen-instrumen kewangan LPB pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

	Kadar Faedah Purata Wajaran %	2019 RM	2018 RM
Aset kewangan			
Bantuan kewangan	5.00%	6,510,898	6,194,001
Pelaburan lain	2.81%	480,552,505	460,339,567
Simpanan tetap	3.95%	494,050,000	411,650,000
Baki di bank	1.00%	45,975	140,384
		981,159,378	878,323,952

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

31. Instrumen Kewangan (Sambungan)

31.3 Risiko pasaran (Sambungan)

Analisa kepekaan kadar faedah

Sekiranya kadar faedah purata wajaran pada 31 Disember 2019 adalah 100 mata asas lebih tinggi atau lebih rendah, pendapatan faedah dan perbelanjaan faedah akan terjejas seperti berikut:

	Peningkatan/ (Pengurangan) Mata Asas %	Peningkatan/ (Pengurangan) Lebih Dalam Tahun RM	Peningkatan/ (Pengurangan) Lebih Dalam Tahun RM
Pada 31 Disember 2019			
Bantuan kewangan	+100/-100	390,654	(260,436)
Pelaburan lain	+100/-100	18,309,050	(8,698,000)
Simpanan tetap	+100/-100	24,455,475	(14,574,475)
Baki di bank	+100/-100	919	-
		<u>43,156,099</u>	<u>(23,532,911)</u>
Pada 31 Disember 2018			
Bantuan kewangan	+100/-100	371,640	(247,760)
Pelaburan lain	+100/-100	17,538,938	(8,332,146)
Simpanan tetap	+100/-100	20,376,675	(12,143,675)
Baki di bank	+100/-100	2,808	-
		<u>38,290,060</u>	<u>(20,723,581)</u>

31.4 Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa LPB akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan LPB kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan aset kewangan dan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti LPB pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

	Dalam tempoh setahun RM	Lebih tempoh setahun RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2019			
Urusniaga pertukaran belum bayar	37,902,576	-	37,902,576
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	9,325,407	18,420,207	27,745,614
	<u>47,227,983</u>	<u>18,420,207</u>	<u>65,648,190</u>
Pada 31 Disember 2018			
Urusniaga pertukaran belum bayar	34,556,375	-	34,556,375
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	7,955,565	28,016,640	35,972,205
	<u>42,511,940</u>	<u>28,016,640</u>	<u>70,528,580</u>

LPB mengurus risiko kecairan dan aliran tunai dengan memastikan tunai yang mencukupi dan menyediakan dana yang cukup bagi memenuhi komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

31. Instrumen Kewangan (Sambungan)

31.5 Pengurusan risiko modal

Objektif utama pengurusan modal LPB adalah untuk memastikan terdapat tunai yang mencukupi bagi menyokong keperluan pembiayaan LPB termasuk perbelanjaan modal serta memastikan bahawa LPB kekal kukuh dari segi kewangan. LPB sentiasa memantau aliran tunainya bagi memastikan setiap komitmen LPB dapat dipenuhi apabila sampai masanya.

31.6 Nilai saksama

Nilai saksama aset dan liabiliti kewangan adalah amaun di mana instrumen itu boleh ditukar dalam urusan niaga semasa antara pihak yang berminat, selain daripada dalam penjualan paksa atau pembubaran. Nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan menyamai nilai saksamanya kerana ia mempunyai tempoh yang singkat kecuali pelaburan LPB di mana nilai saksamanya menggunakan Peringkat 1 iaitu berdasarkan kepada harga pasaran yang aktif.

32. Nota Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar

Bajet Tahun 2019 LPB telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 01 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019. Bajet asal dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan Perancangan Bil.3/2018 untuk diperakukan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah LPB Bil.3/2018 untuk kelulusan pada tarikh 05 Disember 2018. Cadangan bajet ini telah diangkat untuk kelulusan YB Menteri Pengangkutan Malaysia melalui surat rujukan LPB/400-2/1/1(5) bertarikh 18 Disember 2018 dan telah diluluskan melalui surat rujukan MOT.400-4/1/24 Jilid 3 (24) bertarikh 27 Februari 2018 selaras dengan Seksyen 19(1) Akta 243, Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981. Cadangan Bajet Tambahan Kali Pertama Tahun 2019 LPB telah diluluskan oleh YB Menteri Pengangkutan Malaysia melalui surat rujukan MOT.400-4/1/24 Jld.2(9) bertarikh 10 Julai 2019 selaras dengan Seksyen 20(1) Akta LPB 1981.

Belanjawan LPB disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akrual menggunakan klasifikasi berdasarkan jenis perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan, manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akrual kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti di bawah:

	Operasi RM	Pelaburan RM	Jumlah RM
Jumlah sebenar setanding seperti yang dikemukakan dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar	74,830,355	32,684,394	107,514,749
Perbezaan masa	(2,576,214)	(20,802,944)	(23,379,158)
Jumlah sebenar dalam Penyata Aliran Tunai	<u>72,254,141</u>	<u>11,881,450</u>	<u>84,135,591</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

33. Perkara Penting Berlaku Selepas Daripada Tempoh Pelaporan

Pada 16 Mac 2020 yang lalu, Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") bermula daripada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Tempoh PKP ini kemudiannya telah dilanjutkan sehingga 09 Jun 2020. Sepanjang tempoh PKP ini, LPB telah menutup premisnya bagi segala urusan dengan orang awam. Semua urusan hanya dilakukan dalam talian sahaja.





PKP yang dijalankan oleh Kerajaan ini tidak memberikan kesan yang ketara ke atas aliran tunai LPB serta operasi LPB di masa hadapan.

Tiada pelarasan yang dibuat ke atas aset dan liabiliti LPB pada tarikh pelaporan disebabkan oleh kesan PKP kerana PKP yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah untuk membendung penularan wabak COVID-19 dan bukannya disebabkan oleh wabak tersebut. Ahli lembaga pengarah berpendapat bahawa PKP ini tidak memberikan bukti keadaan yang wujud pada akhir tempoh pelaporan dan ia dinilai sebagai peristiwa yang tidak perlu dilaraskan (*non-adjusting events*).

34. Angka-angka Bandingan

Sebahagian daripada angka-angka bandingan berikut telah diklasifikasikan semula bagi mengambilkira klasifikasi akaun di dalam tahun kewangan semasa.

	Seperti Dinyatakan Semula RM	Seperti Dinyatakan Terdahulu RM
<i>Kesan kepada penyata kedudukan kewangan</i>		
Bantuan kewangan	6,194,001	6,000,000
Urusniaga pertukaran belum terima	23,301,015	15,505,684
Pelbagai akaun belum terima dan deposit	3,754,744	10,839,635
Pelaburan lain	460,339,567	461,244,008
Hartanah, loji dan peralatan	1,961,019	1,974,780
Aset tak ketara	13,761	-
Urusniaga pertukaran belum bayar	34,556,375	-
Pelbagai akaun belum bayar dan perbelanjaan terakru	7,955,565	42,511,940
<i>Kesan kepada penyata prestasi kewangan</i>		
Urusniaga bukan pertukaran	11,638,634	11,858,866
Lain-lain hasil	220,232	-
Susutnilai / rosotnilai	-	42,361,651
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	461,917	-
Susutnilai hartanah pelaburan	38,993,907	-
Pelunasan aset tak ketara	10,677	-
Belanja rosotnilai pelaburan	2,895,150	-



- 80 **PROFIL KORPORAT**
- 82 **VISI DAN MISI KORPORAT**
- 84 **AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH**
- 85 **PENCAPAIAN PRESTASI**
- 86 **PRESTASI KESELURUHAN PELABUHAN LABUAN**
- 89 **PEMBANGUNAN PELABUHAN LABUAN**
- 90 **DIARI KORPORAT LPL 2019**
- 91 **PENYATA KEWANGAN**

PROFIL KORPORAT



Pada 26 Januari 2017, Lembaga Pelabuhan Bintulu telah meluaskan fungsi lembaga kepada Lembaga Pelabuhan Labuan. Perluasan fungsi ini membolehkan Lembaga Pelabuhan Labuan berfungsi sebagai sebuah badan berkanun dan juga sebagai badan pengawalselia pelabuhan. Pada 17 Januari 2017, deklarasi had pelabuhan baru telah diwujudkan dan dikenali sebagai Had Pelabuhan Teluk Victoria.

Daripada perluasan fungsi Lembaga Pelabuhan Bintulu, Lembaga Pelabuhan Labuan memainkan peranan yang sama. Pembangunan, pentadbiran, pemasaran dan pembekal perkhidmatan pelabuhan merupakan skop utama Lembaga Pelabuhan Labuan. Ini bagi memastikan Pelabuhan Labuan berfungsi sebagai pintu masuk kapal-kapal dagang yang efisien dan efektif sejajar dengan deklarasi ke atas Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (International Offshore Financial Centre) pada 1 Oktober 1990.

Lembaga Pelabuhan Labuan buat masa kini, telah membenarkan terminal operator Pelabuhan Labuan sedia ada untuk meneruskan peranan mereka sebagai operator pelabuhan. Bagi memastikan operasi pelabuhan yang dijalankan oleh operator berjalan dengan lancar dan optimum, bermula 16 Januari 2017, Lembaga Pelabuhan Bintulu telah menghantar kakitangan pelabuhan untuk menjalankan fungsi Lembaga Pelabuhan Labuan. Ini memastikan tanggungjawab sebagai badan kawalselia pelabuhan dan mengawasi keselamatan operasi pelabuhan terlaksana.



VISI DAN MISI KORPORAT

VISI

Sebagai Pihak Berkuasa dan Badan Kawalselia Pelabuhan, Visi LPL adalah untuk menjadikan Pelabuhan Labuan sebagai pelabuhan yang paling efisien, selamat dan berdaya saing di Malaysia Timur. Untuk merealisasikan visi tersebut, LPL telah merangka misi berikut:

MISI

- Memastikan pengendalian operasi pelabuhan oleh pihak pengendali pelabuhan berjalan dengan lancar;
- Memastikan pengguna pelabuhan mendapat perkhidmatan yang berkualiti untuk keperluan Pulau Labuan;
- Mengambil tindakan segera terhadap aduan dan mengambil kira pandangan orang awam mengenai perkhidmatan dan kemudahan di pelabuhan;
- Melahirkan tenaga kerja professional, mahir dan terlatih untuk meningkatkan lagi mutu perkhidmatan dan produktiviti;
- Memastikan pengguna pelabuhan mematuhi segala garis panduan pelabuhan dan menjalankan kerja-kerja pengendalian mengikut perundangan dan peraturan LPL;
- Memajukan dan menggalakkan perkembangan, pembangunan dan infrastruktur pelabuhan untuk kemudahan penggunaannya; dan
- Mewujudkan kemudahan pelabuhan yang lengkap bagi memperbaiki prestasi pengendalian perkhidmatan kontena dan kargo pecah pual.

OBJEKTIF

- Menjalankan aktiviti pengawalseliaan perkhidmatan pelabuhan yang berkualiti dan mampu berdaya saing di Malaysia Timur;
- Memastikan sistem penyampaian perkhidmatan pelabuhan menepati kehendak untuk keperluan Pulau Labuan;
- Memastikan pembangunan infrastruktur selari dengan kehendak pengguna dari masa ke semasa; dan
- Menjadikan Pelabuhan Labuan sebagai nod yang cekap dalam rangkaian pengangkutan Negara dan memberikan perkhidmatan tambah nilai.





AHLI-AHLI LEMBAGA PENGARAH

PENGERUSI

YBrs Tn Chan Foong Hin

Ahli Bebas

(mula dari 14 Januari 2019 hingga 13 Januari 2021)

AHLI-AHLI LEMBAGA

YB Datuk Rozman Bin Datuk Haji Isli

Ahli Parlimen Labuan

(mula dari 14 Mei 2019 hingga 13 Mei 2020)

Encik Zulkurnain Bin Ayub

Pengurus Besar Lembaga Pelabuhan Bintulu

(mula 18 April 2018 hingga sekarang)

Ybrs Kapten Mohamad Halim Ahmad

Setiausaha Bahagian (Maritim)

(mula 1 Mei 2019 hingga 30 April 2020)

Ybrs Encik Simsudin Bin Haji Sidek

Ketua Cabang PKR P.166 Labuan

Wilayah Persekutuan Labuan

(mula 3 Mei 2019 hingga 2 Mei 2020)

Ybrs Encik Abu Bakar Bin Hj Jambol

Timbalan Setiausaha Bahagian

(mula 23 April 2019 hingga 22 April 2020)

Ybrs Tuan Haji Rithuan Bin Haji Mohd Ismail

Timbalan Ketua Eksekutif (Perbandaran)

(mula 13 Jun 2019 hingga 12 Jun 2020)

Encik Daniel Daughty

Pengarah Urusan,

Serasi Energy & Engineering Sdn Bhd

(mula 18 September 2019 hingga 17 September 2020)

Puan Esther Wong Ai Hing

Group General Manager,

Pacific Selatan Agency Sdn Bhd

(mula 20 September 2019 hingga 19 September 2020)

PENCAPAIAN PRESTASI


Di bawah ini disertakan beberapa carta mengenai prestasi Dermaga Merdeka bagi tahun 2018 dan 2019 dan perbandingan prestasi kedua-dua tahun tersebut.

BUTIRAN	2018	2019	PENCAPAIAN % +(-)
OPERASI			
1. Jumlah Kargo Yang Dikendalikan (FWT)	396,319	378,209	-4.57
2. Jumlah Kontena Dikendalikan (TEUs)	25,042	24,148	-3.57
3. Bilangan Singgahan Kapal	615	329	-46.50
4. Jumlah Kargo Export (FWT)	116,119	96,442	-16.95
5. Jumlah Kargo Import (FWT)	280,200	281,767	0.56



PRESTASI KESELURUHAN PELABUHAN LABUAN

Pengendalian Kargo




JENIS KARGO	2018	2019	% +(-)
KARGO AM	234,106	231,725	-1.02
KARGO PUKAL	78,701	123,258	56.62
KARGO PINDAH-KAPAL	83,512	23,226	-72.19
JUMLAH	396,319	378,209	-4.57

Kendalian kargo di Dermaga Merdeka Pelabuhan Labuan telah mencatatkan penurunan sebanyak 4.57% iaitu 378,209 juta tan pada tahun 2019 berbanding 396,319 pada 2018. Penurunan ini adalah disebabkan oleh kargo pindah kapal yang berkurangan. Hal ini disebabkan oleh pembukaan semula Pelabuhan Sandakan yang mengakibatkan aktiviti kargo pindah kapal beralih ke pelabuhan tersebut.

Penurunan ini telah dijangka akan berlaku kerana Pelabuhan Sandakan merupakan lokasi asal untuk aktiviti kargo pindah kapal dimana lokasi yang lebih dekat dengan Selatan Filipina berbanding dengan Jeti Dermaga Merdeka. Kebanyakan kargo pindah kapal yang datang ke Pelabuhan Labuan adalah dalam bentuk kontena dan merupakan penyumbang kepada kenaikan jumlah kendalian kontena.

Penurunan ini juga berlaku berikutan keputusan Kementerian Pertanian & Industri Asas Tani pada tahun 2018 yang hanya membenarkan aktiviti pindah kapal dijalankan sekiranya mempunyai Permit Import (AP) bagi memastikan kegiatan penyeludupan tidak berlaku.

Pengendalian Kontena




KONTENA	2018	2019	% +(-)
EKSPORT	12,380	12,249	-1.06
IMPORT	12,662	11,899	-6.03
JUMLAH (TEUs)	25,042	24,148	-3.57

Kendalian kontena di Pelabuhan Labuan menurun sebanyak 3.57% daripada 25,042 TEUs kepada 24,148 TEUs pada tahun 2019. Faktor penyebab penurunan adalah penurunan jumlah kargo pindah kapal ke Pelabuhan Labuan yang disebabkan oleh pembukaan semula Pelabuhan Sandakan menyebabkan aktiviti pindah kapal beralih ke pelabuhan tersebut.

Kebanyakan kargo pindah kapal yang datang ke Pelabuhan Labuan adalah dalam kontena dan hal ini secara tidak langsung menyumbang kepada kenaikan dan penurunan jumlahendalian kontena di Pelabuhan Labuan.

PRESTASI KESELURUHAN PELABUHAN LABUAN

Singgahan Kapal



SINGGAHAN KAPAL	2018	2019	% +(-)
KONTENA	95	63	-33.68
KARGO PUKAL	128	154	20.31
KUMPIT	392	112	-71.43
JUMLAH	615	329	-46.50

Singgahan kapal telah mencatatkan penurunan sebanyak 46.50% pada 2019 berbanding 2018. Penurunan ini adalah disebabkan oleh penurunan jumlah kapal-kapal kumpit ke Pelabuhan Labuan akibat daripada kurangnya akitiviti kargo pindah kapal.

PEMBANGUNAN PELABUHAN LABUAN

Semenjak pemanjangan fungsi pada 26 Januari 2017, langkah pertama Lembaga Pelabuhan Labuan dalam membangunkan pelabuhan adalah mewujudkan ibu pejabat Lembaga Pelabuhan Labuan. Pejabat ini terletak di Aras 3 di bangunan Ibu Pejabat Jabatan Laut Wilayah Persekutuan Labuan.

Selaras dengan itu, Lembaga Pelabuhan Labuan dalam proses memperbaiki mutu perkhidmatan Jeti Dermaga Merdeka bagi memenuhi keperluan komuniti tempatan di Wilayah Persekutuan Labuan.

Lembaga Pelabuhan Labuan juga telah mengubal Undang-Undang Kecil (UUK) Lembaga Pelabuhan Labuan secara berperingkat. UUK yang dijangka akan dikuatkuasa dan dilaksanakan adalah UUK LPL (Pelabuhan Teluk Victoria) Skala Kadar, Dius dan Caj yang dijangka dilaksanakan pada 2020.

Untuk memastikan prestasi perkhidmatan Jeti Dermaga berada pada tahap optimum pada setiap masa, Lembaga Pelabuhan Labuan akan mengubal prestasi piawaian perkhidmatan secara berperingkat untuk setiap jenis perkhidmatan di Jeti Dermaga Merdeka.

Selari dengan itu juga, Lembaga Pelabuhan Labuan akan merancang dasar pembangunan Pelabuhan Labuan untuk pelan jangka masa pendek dan pelan jangka masa panjang bagi memastikan Pelabuhan Labuan tidak ketinggalan dalam menjadi salah satu pelabuhan penting di dalam negara Malaysia.




DIARI KORPORAT LPL 2019


januari

National Occupational Skills Standard (NOSS) Awareness Program Mooring Operation bertempat di Jeti Pelabuhan Labuan dan Bengkel Jabatan Laut Wilayah Labuan pada 28 dan 29 Januari 2019.





92 – 95	SIJIL KETUA AUDIT NEGARA MENGENAI PENYATA KEWANGAN LEMBAGA PELABUHAN LABUAN
96	PARA PENGARAH
97	PENYATA PENERUSI DAN SEORANG AHLI LEMBAGA PENGARAH LEMBAGA PELABUHAN LABUAN
98	AKUAN BERKANUN
99	PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN
100	PENYATA PRESTASI KEWANGAN
101	PENYATA PERUBAHAN LIABILITI BERSIH
102	PENYATA ALIRAN TUNAI
103 – 104	PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR
105 – 122	NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN



**SIJIL KETUA AUDIT NEGARA
MENGENAI PENYATA KEWANGAN
LEMBAGA PELABUHAN LABUAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019**

Sijil Mengenai Pengauditan Penyata Kewangan

Pendapat

Saya telah mengaudit Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Labuan yang merangkumi Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Disember 2019 dan Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Liabiliti Bersih, Penyata Aliran Tunai serta Penyata Perbandingan Bajet Dan Amaun Sebenar bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut dan riota kepada penyata kewangan termasuklah ringkasan polisi perakaunan yang signifikan seperti yang dinyatakan pada muka surat 99 hingga 122.

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Lembaga Pelabuhan Labuan pada 31 Disember 2019 dan prestasi kewangan serta aliran tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 (Akta 243).

Asas Kepada Pendapat

Pengauditan telah dilaksanakan berdasarkan Akta Audit 1957 dan *International Standards of Supreme Audit Institutions*. Tanggungjawab saya dihuraikan selanjutnya di perenggan Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan dalam sijil ini. Saya percaya bahawa bukti audit yang diperoleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas kepada pendapat saya.

Kebebasan dan Tanggungjawab Etika Lain

Saya adalah bebas daripada Lembaga Pelabuhan Labuan dan telah memenuhi tanggungjawab etika lain berdasarkan *International Standards of Supreme Audit Institutions*.

Maklumat Lain Selain Daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit Mengenainya

Lembaga Pengarah Lembaga Pelabuhan Labuan bertanggungjawab terhadap maklumat lain dalam Laporan Tahunan. Pendapat saya terhadap Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Labuan tidak meliputi maklumat lain selain daripada Penyata Kewangan dan Sijil Juruaudit mengenainya dan saya tidak menyatakan sebarang bentuk kesimpulan jaminan mengenainya.

Tanggungjawab Lembaga Pengarah Terhadap Penyata Kewangan

Lembaga Pengarah bertanggungjawab terhadap penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Labuan yang memberi gambaran benar dan saksama selaras dengan Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 (Akta 243). Lembaga Pengarah juga bertanggungjawab terhadap penetapan kawalan dalaman yang perlu bagi membolehkan penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Labuan yang bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan.

Semasa penyediaan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Labuan, Lembaga Pengarah bertanggungjawab untuk menilai keupayaan Lembaga Pelabuhan Labuan untuk beroperasi sebagai satu usaha berterusan, mendedahkannya jika berkaitan serta menggunakannya sebagai asas perakaunan.

Tanggungjawab Juruaudit Terhadap Pengauditan Penyata Kewangan

Objektif saya adalah untuk memperoleh keyakinan yang munasabah sama ada Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Labuan secara keseluruhannya adalah bebas daripada salah nyata yang ketara, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, dan mengeluarkan Sijil Juruaudit yang merangkumi pendapat saya. Jaminan yang munasabah adalah satu tahap jaminan yang tinggi, tetapi bukan satu jaminan bahawa audit yang dijalankan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions* akan sentiasa mengesan salah nyata yang ketara apabila ia wujud. Salah nyata boleh wujud daripada fraud atau kesilapan dan dianggap ketara sama ada secara individu atau agregat sekiranya boleh dijangkakan dengan munasabah untuk mempengaruhi keputusan ekonomi yang dibuat oleh pengguna berdasarkan penyata kewangan ini.

Sebagai sebahagian daripada pengauditan mengikut *International Standards of Supreme Audit Institutions*, saya menggunakan pertimbangan profesional dan mengekalkan keraguan profesional sepanjang pengauditan. Saya juga:

- a. Mengetahui dan menilai risiko salah nyata ketara dalam Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Labuan, sama ada disebabkan fraud atau kesilapan, merangka dan melaksanakan prosedur audit yang responsif terhadap risiko berkenaan serta mendapatkan bukti audit yang mencukupi dan bersesuaian untuk memberikan asas kepada pendapat saya. Risiko untuk tidak mengesan salah nyata ketara akibat daripada fraud adalah lebih tinggi daripada kesilapan kerana fraud mungkin melibatkan pakatan, pemalsuan, ketinggalan yang disengajakan, representasi yang salah, atau mengatasi kawalan dalaman.
- b. Memahami kawalan dalaman yang relevan untuk merangka prosedur audit yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman Lembaga Pelabuhan Labuan.
- c. Menilai kesesuaian dasar perakaunan yang diguna pakai kemunasabahan anggaran perakaunan dan pendedahan yang berkaitan oleh Lembaga Pengarah.
- d. Membuat kesimpulan terhadap kesesuaian penggunaan asas perakaunan untuk usaha berterusan oleh Lembaga Pengarah dan berdasarkan bukti audit yang diperolehi, sama ada wujudnya ketidakpastian ketara yang berkaitan dengan peristiwa atau keadaan yang mungkin menimbulkan keraguan yang signifikan terhadap keupayaan Lembaga Pelabuhan Labuan sebagai satu usaha berterusan. Jika saya membuat kesimpulan bahawa ketidakpastian ketara wujud, saya perlu melaporkan dalam Sijil Juruaudit terhadap pendedahan yang berkaitan dalam Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Labuan atau, jika pendedahan tersebut tidak mencukupi, pendapat saya akan diubah. Kesimpulan saya dibuat berdasarkan bukti audit yang diperolehi sehingga tarikh Sijil Juruaudit.
- e. Menilai sama ada keseluruhan persembahan termasuk pendedahan Penyata Kewangan Lembaga Pelabuhan Labuan memberi gambaran yang saksama.

Hal-hal Lain

Saya ingin menarik perhatian terhadap Memorandum Persefahaman (MOU) untuk mengurus Pelabuhan Labuan yang telah ditandatangani oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu dan Lembaga Pelabuhan Labuan. Bagaimanapun, MOU tersebut tidak bertarikh dan belum dimatikan setem oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Sijil ini dibuat untuk Lembaga Pengarah berdasarkan Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981 (Akta 243) dan bukan untuk tujuan lain. Saya tidak bertanggungjawab terhadap pihak lain bagi kandungan sijil ini.



(DR. MASIAH BINTI AHMAD)
b.p. KETUA AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KUCHING, SARAWAK

TARIKH **28.10.2020**



PARA PENGARAH

PENGERUSI

(Mulai dari 09 Julai 2020 -
08 Julai 2022)

Y Bhg. Datuk P. Kamalanathan A/L P. Panchanathan
Ahli Bebas

TIMBALAN PENGERUSI

(Mulai dari 09 Julai 2020 -
08 Julai 2021)

Y Bhg. Datuk Chin Hong Vui
Ahli Bebas

AHLI LEMBAGA PENGARAH

(Mulai dari 18 April 2018 -
Lantikan Berterusan)

YBrs. Encik Zulkurnain Bin Ayub
Ex-Officio, Pengurus Besar
Lembaga Pelabuhan Bintulu

(Mulai dari 01 Mei 2019 -
30 April 2021)

YBrs. Kapten Mohamad Halim Ahmed
Setiausaha Bahagian (Maritim)
Kementerian Pengangkutan Malaysia

(Mulai dari 23 April 2019 -
22 April 2021)

YBrs. Encik Abu Bakar Bin Hj. Jambol
Timbalan Setiausaha Bahagian (Operasi)
Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan
Kementerian Kewangan Malaysia

(Mulai dari 09 Jun 2020 -
08 Jun 2021)

YBrs. Encik Nor Shah Bin Mohamed
Setiausaha Bahagian
Bahagian Perancangan Dasar
Kementerian Wilayah Persekutuan

(Mulai dari 23 Jun 2020 -
22 Jun 2021)

YBrs. Dr Fary Akmal Osman
Ketua Pegawai Eksekutif Perbadanan Labuan

(Mulai dari 09 Julai 2020 -
08 Julai 2021)

Y Bhg. Datuk Khalid Bin A. Ghani
Ahli Bebas

(Mulai dari 09 Julai 2020 -
08 Julai 2021)

YBrs. Encik Lee Wan Tung @ Lu Yen Tung
Ahli Bebas

(Mulai dari 09 Julai 2020 -
08 Julai 2021)

YBrs. Encik Abdullah Bin Omar Bledram
Ahli Bebas

PENYATA Pengerusi dan Seorang Ahli Lembaga Pengarah Lembaga Pelabuhan Labuan

Kami, **P. KAMALANATHAN AIL P. PANCHANATHAN** dan **ZULKURNAIN BIN AYUB** yang merupakan Pengerusi dan salah seorang Ahli Lembaga Pengarah, **LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Lembaga Pengarah, Penyata Kewangan yang mengandungi Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Liabiliti Bersih dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan kedudukan kewangan yang benar dan saksama berkenaan dengan Lembaga Pelabuhan Labuan pada 31 Disember 2019 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Lembaga



P. KAMALANATHAN AIL P. PANCHANATHAN

Pengerusi

Tarikh: 20 OCT 2021



ZULKURNAIN BIN AYUB

Ahli Lembaga Pengarah

Tarikh: 20 OCT 2021

**PENGAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB KE ATAS
PENGURUSAN KEWANGAN LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**

Saya, **HIDA BINTI JERMAN**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **LEMBAGA PELABUHAN LABUAN**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Penyata Kedudukan Kewangan, Penyata Prestasi Kewangan, Penyata Perubahan Liabiliti Bersih dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini berserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak-kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya)
diakui oleh HIDA BINTI JERMAN)
di Bintulu dalam Negeri Sarawak)
pada 19 OCT 2020)



HIDA BINTI JERMAN
(690408-13-6018)

Di hadapan saya,



PESURUHJAYA SUMPAN

NO. 69, 1ST FLOOR,
MEDAN SENTRAL COMMERCIAL CENTRE,
JALAN TANJUNG KIDURONG,
97000 BINTULU, SARAWAK



PENYATA KEDUDUKAN KEWANGAN

PADA 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
ASET			
ASET SEMASA			
Urusniaga pertukaran belum terima	4	64,800	64,800
Pelbagai akaun belum terima dan deposit	5	44,478	163,764
Pelaburan jangka pendek	6	200,034	1,230,000
Baki di bank	7	24,583	41,039
Jumlah Aset Semasa		333,895	1,499,603
ASET BUKAN SEMASA			
Hartanah, loji dan peralatan	8	390,935	502,750
Jumlah Aset Bukan Semasa		390,935	502,750
Jumlah Aset		724,830	2,002,353
LIABILITI			
LIABILITI SEMASA			
Perbelanjaan terakru		142,845	141,578
Bantuan kewangan	9	1,000,000	1,000,000
Urus niaga pertukaran belum bayar	10	524	-
Jumlah Liabiliti Semasa		1,143,369	1,141,578
LIABILITI BUKAN SEMASA			
Bantuan kewangan	9	5,510,898	5,194,001
Liabiliti cukai tertunda	11	21,719	20,473
Jumlah Liabiliti Bukan Semasa		5,532,617	5,214,474
Jumlah Liabiliti		6,675,986	6,356,052
LIABILITI BERSIH		(5,951,156)	(4,353,699)
LIABILITI BERSIH			
Kerugian terkumpul		(5,951,156)	(4,353,699)
Jumlah Liabiliti Bersih		(5,951,156)	(4,353,699)

Nota-nota di muka surat 105 hingga 122 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PRESTASI KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Nota	2019 RM	2018 RM
HASIL			
Urusniaga pertukaran	12	803,687	908,001
Jumlah Hasil		<u>803,687</u>	<u>908,001</u>
PERBELANJAAN MENGURUS			
Perkhidmatan dan bekalan	13	1,950,458	2,200,233
Bayaran balik dan hapuskira		1,664	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	8	118,339	111,989
Perbelanjaan lain-lain	14	12,540	13,392
Kos kewangan	15	316,897	194,001
Jumlah Perbelanjaan		<u>2,399,898</u>	<u>2,519,615</u>
KURANGAN SEBELUM CUKAI	16	(1,596,211)	(1,611,614)
Cukai	17	(1,246)	(20,473)
KURANGAN BERSIH BAGI TAHUN		<u>(1,597,457)</u>	<u>(1,632,087)</u>
Diagihkan kepada:			
Pemilik yang mengawal entiti		<u>(1,597,457)</u>	<u>(1,632,087)</u>

Nota-nota di muka surat 105 hingga 122 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERUBAHAN LIABILITI BERSIH

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	Kerugian Terkumpul RM	Jumlah RM
Baki pada 01 Januari 2018 (Seperti dinyatakan terdahulu)	1,211,372	1,211,372
Kesan Pemakaian MPSAS	(3,932,984)	(3,932,984)
Baki pada 01 Januari 2018 (Seperti dinyatakan semula)	(2,721,612)	(2,721,612)
Kurangan bersih bagi tahun	(1,632,087)	(1,632,087)
Baki pada 31 Disember 2018	(4,353,699)	(4,353,699)
Baki pada 01 Januari 2019	(4,353,699)	(4,353,699)
Kurangan bersih bagi tahun	(1,597,457)	(1,597,457)
Baki pada 31 Disember 2019	(5,951,156)	(5,951,156)

Nota-nota di muka surat 105 hingga 122 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA ALIRAN TUNAI

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	2019 RM	2018 RM
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI OPERASI		
Kurangan sebelum cukai	(1,596,211)	(1,611,614)
Pelarasan untuk:-		
Bayaran balik dan hapuskira	1,664	-
Susutnilai hartanah, loji dan peralatan	118,339	111,989
Keuntungan dari pelaburan	(22,415)	(791)
Perbelanjaan faedah	316,897	194,001
Pengurangan operasi sebelum perubahan modal kerja	(1,181,726)	(1,306,415)
Perubahan dalam modal kerja:-		
Perubahan dalam urusniaga pertukaran belum terima	0	(3,354,362)
Perubahan dalam pelbagai akaun belum terima dan deposit	119,286	(122,346)
Perubahan dalam perbelanjaan terakru	1,790	141,578
Tunai digunakan untuk aktiviti operasi	(1,060,650)	(4,641,545)
Faedah diterima	22,415	791
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti operasi	(1,038,235)	(4,640,754)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PELABURAN		
Pembelian hartanah, loji dan peralatan	(9,300)	(175,591)
Pelarasan dari aset ke perbelanjaan	1,112	86,400
Tunai bersih digunakan untuk aktiviti pelaburan	(8,188)	(89,191)
ALIRAN TUNAI DARI AKTIVITI PEMBIAYAAN		
Bantuan kewangan diterima	0	6,000,000
Tunai bersih dijana daripada aktiviti pelaburan	0	6,000,000
(Pengurangan)/Pertambahan bersih tunai dan kesetaraan tunai	(1,046,422)	1,270,055
Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun	1,271,039	984
Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun	224,617	1,271,039
TUNAI DAN KESETARAAN TUNAI TERDIRI DARIPADA:-		
Baki di bank	24,583	41,039
Pelaburan jangka pendek-STMMD*	200,034	1,230,000
	224,617	1,271,039

*STMMD - Short term money market deposit

Nota-nota di muka surat 105 hingga 122 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

	JUMLAH BAJET		JUMLAH SEBENAR RM	*VARIAN BAJET AKHIR DAN SEBENAR		NOTA
	ASAL RM	AKHIR RM		RM	%	
PENERIMAAN						
Urusniaga bukan pertukaran	2,435,000	2,435,000	-	2,435,000	100.00%	i
Urusniaga pertukaran	777,600	777,600	803,687	(26,087)	-3.25%	
JUMLAH PENERIMAAN	3,212,600	3,212,600	803,687			
PEMBAYARAN						
Perkhidmatan dan bekalan	1,652,081	1,652,081	1,950,458	(298,377)	-15.30%	ii
Perbelanjaan lain-lain	16,700	16,700	12,540	4,160	33.17%	iii
Kos kewangan	-	-	316,897	(316,897)	-100.00%	iv
JUMLAH PEMBAYARAN	1,668,781	1,668,781	2,279,895			
PENERIMAAN BERSIH	1,543,819	1,543,819	(1,476,208)			

*Merujuk kepada varian di antara Jumlah Bajet Akhir dan Jumlah Sebenar.

Nota penjelasan bagi varian yang melebihi 20%

i Urus niaga bukan pertukaran

Sehingga 31 Disember 2019, amaun caj pelabuhan yang dianggarkan di dalam Bajet Tahun 2019 Lembaga tidak dapat dikutip oleh sebab tarif masih belum diperolehi. Lembaga telah melaksanakan tindakan-tindakan berikut dan akhirnya UUK Tarif Pelabuhan Labuan (Pelabuhan Teluk Victoria) (Skala Kadar, Dius Dan Caj) 2020 ("UUK Tarif") telah berjaya digazetkan dan diluluskan pada 31 Mac 2020:

- Pembentangan UUK Tarif bersama *Port Consultative Committee* (PCC) telah diadakan pada 11 Julai 2019. Seterusnya, UUK Tarif ini juga telah diperakui oleh ahli lembaga pengarah melalui Mesyuarat Lembaga Pengarah LPL Bil 02/2019 bertarikh 25 Julai 2019;
- Dokumen UUK Tarif telah dikemukakan kepada Kementerian Pengangkutan ("MOT") untuk semakan melalui e-mel bertarikh 07 Ogos 2019;
- Melalui surat MOT rujukan MOT.BM(S).600-2/7/7(2) bertarikh 18 September 2019, YB Menteri Pengangkutan telah bersetuju dengan penetapan kadar tarif yang telah dicadangkan dan bagi tujuan pewartaan, Lembaga telah diarahkan untuk menyediakan deraf pewartaan dalam dwi-bahasa (Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris) beserta jadual-jadual tarif termasuk justifikasi;
- Pada 27 September 2019, mesyuarat susulan mengenai UUK Tarif telah diadakan bersama wakil daripada Bahagian Maritim dan wakil daripada Pejabat Penasihat Undang-Undang (PUU) MOT, bertujuan untuk membincangkan semakan deraf dokumen UUK Tarif terutamanya mengenai skala, kadar, dius dan caj. Hasil daripada perbincangan tersebut, mesyuarat memutuskan supaya Lembaga menyediakan jadual justifikasi tersebut dan UUK Tarif tersebut dipanggil sebagai Undang-Undang Kecil Lembaga Pelabuhan Labuan Skala, Kadar, Dius Dan Caj;
- Susulan daripada mesyuarat tersebut, satu sesi perbincangan yang sama telah diadakan sekali lagi bersama pihak MOT pada 13 hingga 15 Januari 2020;

PENYATA PERBANDINGAN BAJET DAN AMAUN SEBENAR

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

- (f) Pada 16 Januari 2020, pejabat penasihat undang-undang melalui Unit Pelabuhan, Bahagian Dasar MOT telah menghantar memo kepada Lembaga, memohon Lembaga supaya memberi maklumbalas berkenaan deraf UUK Tarif yang telah disemak. Lembaga kemudiannya telah mengemukakan maklumbalas pada 23 Januari 2020 kepada Unit Pelabuhan MOT;
- (g) Proses pewartaan yang dilaksanakan oleh Jabatan Peguam Negara ini dijangka selesai sebelum atau pada 31 Mac 2020; dan
- (h) Akta LPB 1981, UUK LPL (Pelabuhan Teluk Victoria) (Skala Kadar, Dius Dan Caj) 2020 telah diluluskan dan digazetkan pada 31 Mac 2020 oleh YB Menteri Pengangkutan.

ii Perkhidmatan dan bekalan

Perbelanjaan tersebut telah melebihi peruntukan yang diluluskan adalah untuk menampung perbelanjaan seperti berikut:-

- (a) Perbelanjaan Lembaga Pengarah ke luar negara untuk menghadiri persidangan, seminar dan kursus;
- (b) Bayaran elaun tetap bulanan Lembaga Pengarah hanya dibajetkan untuk lima (5) orang sahaja tetapi lantikan yang dibuat sehingga Disember 2019 adalah seramai sepuluh (10) orang; dan
- (c) Perbelanjaan perjalanan, sara hidup dan sewa bilik mesyuarat oleh sebab pegawai perlu menghadiri mesyuarat dengan pihak luar sama ada kementerian / jabatan / agensi / swasta di Labuan / luar Labuan bagi menyelesaikan isu-isu seperti pewartaan tarif, pelantikan operator pelabuhan, mesyuarat bersama agen perkapalan, sesi *townhall* di antara LPL dan pengguna pelabuhan sebelum tarif dapat dimuktamadkan serta urusan dan mesyuarat berkaitan pelantikan operator terminal baharu dilantik.

iii Perbelanjaan lain-lain

Ia adalah disebabkan oleh peruntukan yuran persatuan yang tidak bermotifkan keuntungan sebanyak RM5,000 tidak dibelanjakan. Manakala, terdapat pindah peruntukan daripada bajet kod ini untuk menampung peruntukan cukai tertunda sebanyak RM1,246.00.

iv Kos kewangan

Ia merupakan kadar keuntungan sebanyak 5% yang dikenakan ke atas bantuan kewangan berjumlah RM6,000,000 yang diterima daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu di dalam tahun kewangan sebelum ini.

Nota-nota di muka surat 105 hingga 122 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

1. Maklumat Am

1.1 Penubuhan

Lembaga telah ditubuhkan pada 31 Januari 2017 melalui Perluasan Kuasa Lembaga Pelabuhan Bintulu di bawah Akta 243, Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu 1981.

Pelabuhan Labuan sebelum ini dikawalselia oleh Jabatan Laut Malaysia Wilayah Persekutuan Labuan di bawah:

- i. Merchant Shipping Ordinance (MSO) 1952 Section 474 to 485; dan
- ii. Boat Rules, 1953 (No. 70/1952).

Had kawasan pelabuhan meliputi seluruh kepulauan Labuan.

Melalui surat rujukan MOT.BM(S).600-2/9/4(6) bertarikh 13 Oktober 2016, Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) telah mengarahkan pengambilalihan operasi pelabuhan Labuan daripada Jabatan Laut Malaysia, Wilayah Persekutuan Labuan dengan mewujudkan Badan Kawalselia Pelabuhan yang baharu (digayakan dengan nama Lembaga Pelabuhan Labuan).

1.2 Kegiatan Utama

Lembaga berfungsi sebagai sebuah badan berkanun dan juga sebagai badan pengawalselia pelabuhan. Pembangunan, pentadbiran, pemasaran dan pembekal perkhidmatan pelabuhan merupakan skop utama Lembaga. Ini bagi memastikan Pelabuhan Labuan berfungsi sebagai pintu masuk kapal-kapal dagang yang efisien dan efektif sejajar dengan deklarasi ke atas Labuan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (*International Offshore Financial Centre*) pada 1 Oktober 1990.

1.3 Mata Wang Fungsian untuk Penyata Kewangan

Penyata kewangan ini dibentangkan dalam Ringgit Malaysia ("RM") yang merupakan mata wang fungsian dan persembahan Lembaga.

2. Tarikh Penyata Kewangan Diluluskan

Penyata Kewangan ini telah dibentangkan dan diluluskan oleh Lembaga Pengarah Lembaga pada tarikh 29 Julai 2020.

3. Dasar Perakaunan

3.1.1 Asas Penyediaan Penyata Kewangan

Penyata Kewangan Lembaga telah disediakan mengikut Piawaian Perakaunan Sektor Awam Malaysia (MPSAS) dan peruntukan - peruntukan di bawah Port Authorities Act 1963, serta menurut kelaziman kos sejarah.

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pertimbangan, anggaran dan andaian yang memberi kesan kepada penggunaan dasar dan amaun bagi aset, liabiliti, hasil dan belanja yang dilaporkan.

Anggaran dan andaian yang digunakan akan disemak secara berterusan. Semakan semula kepada anggaran perakaunan akan diiktiraf dalam tempoh anggaran tersebut disemak, jika semakan semula hanya memberi kesan kepada tempoh tersebut, atau dalam tempoh semakan dan tempoh masa hadapan sekiranya semakan semula memberi kesan kepada tempoh semasa dan masa yang akan datang.

Sekiranya terdapat pertimbangan, anggaran dan andaian yang akan memberi kesan signifikan kepada amaun yang diiktiraf dalam penyata kewangan ia akan didedahkan di dalam Nota 3.14 kepada penyata kewangan.

3.1.2 Perubahan Dalam Dasar Perakaunan

Tiada piawaian perakaunan baru ataupun dipinda yang telah berkuatkuasa di dalam tahun kewangan semasa yang memberi kesan ketara kepada penyata kewangan Lembaga.

Tiada piawaian perakaunan baru ataupun dipinda yang telah diterbitkan tetapi belum berkuatkuasa yang akan memberi kesan ketara kepada penyata kewangan Lembaga.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

3. Dasar Perakaunan (Sambungan)

3.2 Hartanah, loji dan peralatan

Hartanah, loji dan peralatan dinyatakan pada nilai kos.

Hartanah, loji dan peralatan kemudiannya dinyatakan pada kos setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian rosot nilai terkumpul, jika ada. Kos termasuk semua kos langsung yang terlibat untuk membawa aset tersebut ke lokasi dan keadaan yang membolehkannya beroperasi dalam cara yang dikehendaki oleh pihak pengurusan. Kos penggantian bagi mana-mana aset yang memerlukan penggantian secara berkala akan dipermodalkan manakala nilai dibawa bagi bahagian yang diganti tersebut akan dinyahiktirafkan. Kos-kos perkhidmatan harian akan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan.

Jika sesuatu aset diperolehi melalui urusniaga bukan pertukaran, kos hendaklah diukur berdasarkan nilai saksama pada tarikh perolehan. Aset-aset ini kemudiannya akan dikreditkan di dalam penyata prestasi kewangan, melainkan jika terdapat syarat-syarat mengenai penggunaan aset tersebut, di mana ia perlu diiktirafkan di dalam liabiliti semasa.

Nilai dibawa item hartanah, loji dan peralatan hendaklah dinyahiktirafkan semasa pelupusan atau apabila tiada manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan yang dijangkakan daripada penggunaan atau pelupusannya. Keuntungan atau kerugian atas nyahiktiraf hartanah, loji dan peralatan adalah ditentukan dengan membandingkan nilai pelupusan bersih dengan nilai dibawa aset di mana perbezaannya akan diambilkira sebagai keuntungan atau kerugian di dalam penyata prestasi kewangan.

Hartanah, loji dan peralatan disusutnilai berasaskan kaedah garis lurus untuk menghapuskira kos aset tersebut berdasarkan anggaran hayat berguna aset-aset berkenaan. Kaedah susutnilai yang digunakan dan jangka hayat berguna bagi kategori hartanah, loji dan peralatan masing-masing adalah seperti berikut:

Kadar tahunan

Perisian komputer dan lain-lain Perkakas pejabat	33%
Kenderaan bermotor	10%
Kenderann bermotor	20%
Perabot dan kelengkapan	10%

Jika terdapat tanda perubahan yang ketara dalam faktor-faktor yang memberi kesan kepada nilai sisa, jangkaan hayat atau corak berguna aset sejak tarikh laporan tahunan lepas, nilai sisa, kaedah susutnilai dan hayat berguna aset yang boleh disusutnilai akan disemak semula.

Hartanah, loji dan peralatan yang dibeli bernilai kurang daripada RM2,000 setiap satu diambilkira sebagai perbelanjaan di dalam penyata prestasi kewangan.

3. Dasar Perakaunan (Sambungan)

3.3 Rosotnilai aset bukan kewangan

3.3.1 Aset Penjanaan Tunai

Pada setiap tarikh penyata kedudukan kewangan, Lembaga mengkaji semula nilai dibawa bagi aset-asetnya untuk menentukan sama ada terdapat sebarang petunjuk kemerosotan nilai. Jika sebarang petunjuk wujud, rosot nilai dikira dengan membandingkan nilai dibawa aset dengan amaun boleh pulih. Amaun boleh pulih adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, aliran tunai masa hadapan akan didiskaun kepada nilai semasanya menggunakan kadar diskaun sebelum cukai yang menggambarkan nilai pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus kepada aset tersebut. Di dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, urus niaga pasaran terkini akan diambilkira, jika ada. Jika tiada urusniaga pasaran terkini berlaku, model penilaian yang sesuai hendaklah digunakan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi amaun boleh pulihnya.

Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf dalam tempoh terdahulu bagi sesuatu aset hendaklah dibalikkan jika, dan hanya jika terdapat perubahan dalam anggaran yang digunakan untuk menentukan amaun boleh pulih. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

3.3.2 Aset Penjanaan Bukan Tunai

Lembaga akan menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat petunjuk bahawa aset penjanaan bukan tunai mungkin terjejas. Jika sebarang petunjuk wujud, maka Lembaga akan membuat anggaran ke atas jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Jumlah perkhidmatan boleh pulih aset adalah nilai tertinggi di antara nilai saksama ditolak kos untuk dijual dan nilai dalam penggunaan.

Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata prestasi kewangan serta merta apabila nilai dibawa aset melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulihnya.

Dalam menentukan nilai dalam penggunaan, Lembaga telah mengguna pakai pendekatan kos penggantian yang disusut nilai. Di bawah pendekatan ini, nilai semasa baki potensi perkhidmatan aset ditentukan sebagai kos penggantian aset yang telah disusut nilai. Kos penggantian yang disusut nilai akan diukur dengan mengambilkira kos penggantian aset ditolak susut nilai terkumpul yang dikira atas kos itu bagi mencerminkan potensi perkhidmatan aset yang telah digunakan atau sudah luput.

Dalam menentukan nilai saksama ditolak kos untuk dijual pula, harga aset dalam perjanjian yang mengikat akan dilaraskan bagi menentukan harga pelupusan aset tersebut. Jika tiada perjanjian yang mengikat, tetapi aset tersebut diniagakan di pasaran secara aktif, maka nilai saksama ditolak kos untuk dijual adalah ditentukan dengan merujuk kepada nilai pasaran terkini ditolak kos pelupusan. Jika tiada perjanjian jual mengikat atau pasaran aktif bagi aset, Lembaga menentukan nilai saksama ditolak kos untuk menjual berdasarkan maklumat yang ada yang terbaik.

Bagi setiap aset, penilaian dibuat pada setiap tarikh laporan sama ada terdapat sebarang petunjuk yang sebelum ini kerugian rosotnilai yang diiktiraf mungkin tidak lagi wujud atau telah berkurangan. Jika petunjuk sedemikian wujud, Lembaga menganggarkan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset. Kerugian kemerosotan nilai yang diiktiraf sebelumnya dibalikkan hanya jika terdapat perubahan dalam andaian yang digunakan untuk menentukan jumlah perkhidmatan boleh pulih aset sejak kerugian kemerosotan nilai terakhir diiktiraf. Pembalikan adalah terhad setakat nilai dibawa aset tidak melebihi jumlah perkhidmatan boleh pulih atau tidak melebihi nilai dibawa yang mungkin setelah susutnilai terkumpul seperti tiada kerugian kemerosotan nilai diiktiraf bagi aset tersebut dalam tahun sebelumnya. Pembalikan tersebut diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

3. Dasar Perakaunan (Sambungan)

3.4 Cukai

Cukai di dalam penyata prestasi kewangan adalah terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda.

Cukai semasa mewakili cukai pendapatan yang dijangka akan dikenakan ke atas lebih atau kurang tahun kewangan semasa yang boleh dicukai dan dikira pada kadar cukai yang berkuatkuasa pada tarikh penyata kedudukan kewangan.

Cukai tertunda diperuntukkan menggunakan kaedah liabiliti atas perbezaan sementara antara asas cukai dan nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam penyata kedudukan kewangan. Mengikut prinsip, liabiliti cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara yang boleh dicukai dan aset cukai tertunda diiktiraf untuk semua perbezaan sementara boleh ditolak cukai, kerugian cukai belum diguna dan kredit cukai belum diguna.

Aset dan liabiliti cukai tertunda diukur pada kadar cukai yang dijangkakan untuk diaplikasikan dalam tahun aset itu direalisasikan atau liabiliti itu diselesaikan, berdasarkan kadar cukai dan perundangan cukai yang telah digubal atau sebahagian besar digubal pada tarikh laporan.

3.5 Aset kewangan

3.5.1 Aset kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Lembaga menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.

3.5.2 Pada pengiktirafan awal, aset kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk aset kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebih atau kurang, yang terlibat secara langsung di dalam mengisui aset kewangan.

3.5.3 Selepas pengiktirafan awal, aset kewangan akan dikelaskan kepada salah satu daripada empat kategori aset kewangan iaitu aset kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebih atau kurang, pinjaman dan belum terima, pelaburan dipegang hingga matang dan aset kewangan sedia untuk dijual.

3.5.4 Pembelian atau penjualan aset kewangan yang memerlukan penyerahan aset dalam tempoh masa yang ditetapkan oleh peraturan atau konvensyen di dalam pasaran akan diiktiraf pada tarikh transaksi itu dibuat, iaitu tarikh di mana Lembaga membuat komitmen untuk membeli atau menjual aset tersebut.

3.5.5 Lembaga hanya mempunyai kategori aset kewangan seperti berikut:

i) Pinjaman dan Belum Terima

Pinjaman dan belum terima adalah aset kewangan bukan derivatif dengan bayaran tetap atau boleh ditentukan yang tidak disebut harga dalam pasaran aktif. Selepas pengukuran awal, aset kewangan tersebut kemudiannya diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos dilunaskan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pembelian aset tersebut serta yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah berkesan. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

ii) Pelaburan Dipegang Hingga Matang

Aset kewangan bukan derivatif dengan tempoh matang pembayaran tetap atau boleh ditentukan dan tetap diklasifikasikan sebagai dipegang untuk matang apabila Lembaga mempunyai niat positif dan keupayaan untuk memegang sehingga matang. Selepas pengukuran awal, pelaburan dipegang hingga matang diukur pada kos yang dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan dan ditolak rosot nilai. Kos pelunasan dikira dengan mengambil kira apa-apa diskaun atau premium atas pengambilalihan dan yuran atau kos yang merupakan sebahagian daripada kadar faedah efektif. Kerugian yang timbul daripada kemerosotan nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan.

3. Dasar Perakaunan (Sambungan)

3.5 Aset kewangan (Sambungan)

3.5.6 Rosot nilai aset kewangan

Pada akhir setiap tempoh pelaporan, Lembaga akan menilai sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan perlu untuk dirosot nilai. Bukti objektif termasuk:

- i) kesukaran kewangan yang ketara oleh peminjam;
- ii) pembayaran tertunggak;
- iii) kemungkinan bahawa peminjam akan mufliis; atau
- iv) data yang menunjukkan bahawa terdapat penurunan di dalam anggaran aliran tunai masa depan.

Bagi kategori aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, jika tiada bukti objektif wujud bagi individu yang ketara, maka semua aset dalam Lembaga yang mempunyai ciri-ciri risiko yang serupa tidak kira sama ada ia ketara atau tidak, akan dinilai secara kolektif untuk menentukan sama ada ia perlu dibuat rosot nilai.

Kerugian rosot nilai, berhubung dengan aset kewangan yang diukur pada kos dilunaskan, diukur sebagai perbezaan di antara nilai dibawa aset berkenaan dan nilai semasa anggaran aliran tunai yang didiskaunkan pada kadar faedah berkesan yang asal. Nilai dibawa aset tersebut akan dikurangkan melalui penggunaan akaun elaun. Sebarang kerugian rosot nilai diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta. Jika, dalam tempoh kemudiannya, sebarang amaun kerugian rosot nilai menurun, kerugian rosot nilai yang diiktiraf sebelumnya akan dibalikkan secara langsung dalam akaun elaun. Pembalikkan ini diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dengan serta-merta.

3.5.7 Penyahiktirafan aset kewangan

Aset kewangan dinyahiktiraf apabila hak kontrak untuk aliran tunai daripada aset kewangan tersebut tamat tempoh atau selesai serta Lembaga telah memindahkan risiko dan ganjaran pemilikan aset kewangan yang ketara kepada pihak lain.

Pada penyahiktirafan aset kewangan secara keseluruhannya, perbezaan di antara nilai dibawa dan jumlah pertimbangan diterima diiktiraf dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

3.6 Pengiktirafan pendapatan

3.6.1 Hasil daripada Urusniaga Bukan Pertukaran

Urusniaga bukan pertukaran akan diiktiraf sebagai aset apabila terdapat manfaat ekonomi masa depan atau potensi perkhidmatan dijangka mengalir ke dalam entiti, ianya berpunca daripada peristiwa lampau serta nilai saksama aset dapat diukur dengan munasabah. Urusniaga bukan pertukaran yang diiktiraf sebagai aset hendaklah diiktiraf sebagai hasil, kecuali setakat liabiliti yang juga diiktiraf berkenaan dengan aliran masuk yang sama sebagai tertunda di dalam penyata kedudukan kewangan. Apabila obligasi terhadap sesuatu liabiliti itu telah dipenuhi, entiti hendaklah mengurangkan amaun bawaan liabiliti yang diiktiraf itu dan mengiktiraf amaun hasil yang sama dengan pengurangan itu.

3. Dasar Perakaunan (Sambungan)

3.6 Pengiktirafan pendapatan (Sambungan)

3.6.2 Hasil daripada Urusniaga Pertukaran

Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.

Hasil daripada Urusniaga Pertukaran adalah seperti berikut :

- i) Kutipan sewaan dan pajakan
Hasil daripada urusniaga pertukaran diiktiraf apabila terdapat kemungkinan bahawa manfaat ekonomi masa hadapan atau potensi perkhidmatan akan mengalir kepada entiti dan manfaat ini boleh diukur dengan pasti.
- ii) Keuntungan dari pelaburan
Hasil keuntungan daripada pelaburan diiktiraf atas dasar perkadaran masa yang mengambilkira kadar pulangan hasil efektif atas aset tersebut. Kadar pulangan hasil efektif ke atas aset ialah kadar keuntungan yang diperlukan untuk mendiskaunkan jangkaan aliran penerimaan tunai masa hadapan sepanjang hayat aset tersebut untuk disamakan dengan amaun bawaan awal aset tersebut.

3.7 Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Lembaga mempunyai obligasi semasa (perundangan atau konstruktif) hasil daripada peristiwa lalu, terdapat kemungkinan bahawa aliran keluar sumber yang mengandungi manfaat ekonomi perlu dilakukan untuk menyelesaikan obligasi dan jumlah obligasi boleh dianggarkan dengan pasti. Apabila Lembaga menjangkakan beberapa atau semua peruntukan akan dibayar balik, perbelanjaan berkaitan peruntukan dibentangkan dalam penyata prestasi kewangan daripada sebarang pembayaran balik.

3.8 Tunai dan kesetaraan tunai

Penyata aliran tunai telah disediakan menggunakan kaedah tidak langsung. Tunai dan kesetaraan tunai terdiri daripada tunai di bank serta pelaburan berkecairan tinggi dengan bank berlesen yang mempunyai tempoh matang dua belas bulan atau kurang yang sedia ditukar kepada amaun tunai yang diketahui dan tertakluk kepada risiko perubahan nilai yang tidak ketara.

3.9 Maklumat bajet

Bajet tahunan disediakan berdasarkan asas tunai. Memandangkan penyata kewangan disediakan menggunakan asas akrual, maka satu Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar disediakan secara berasingan. Penyata ini telah disediakan menggunakan asas penyediaan bajet tahunan.

Bajet tahunan ini telah dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatakuasa Kewangan dan Perancangan Lembaga untuk diperakukan dan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah Lembaga untuk kelulusan dan seterusnya diangkat untuk kelulusan YB Menteri Pengangkutan Malaysia.

3.10 Mengkontra instrumen kewangan

Aset kewangan dan liabiliti kewangan hanya dikontra jika, dan hanya jika, terdapat hak undang-undang mengofsetkannya dan terdapat tujuan menyelesaikannya pada nilai bersih atau untuk merealisasikan aset dan menyelesaikan liabiliti secara serentak.

3.11 Pihak berkaitan

Lembaga menganggap pihak berkaitan sebagai orang atau entiti dengan keupayaan untuk mengenakan kawalan secara individu atau bersama, atau untuk melaksanakan pengaruh penting ke atas Lembaga, atau sebaliknya. Kakitangan penting pihak pengurusan dianggap sebagai pihak berkaitan yang terdiri daripada ahli-ahli lembaga pengarah Lembaga.

3. Dasar Perakaunan (Sambungan)

3.12 Liabiliti luar jangka dan aset luar jangka

- 3.12.1 Liabiliti luar jangka adalah obligasi semasa yang tidak diiktiraf kerana tiada kebarangkalian aliran keluar sumber akan diperlukan untuk menyelesaikan obligasi atau dalam kes yang sangat jarang berlaku di mana liabiliti tidak dapat diiktiraf kerana ia tidak boleh diukur secara pasti. Liabiliti luar jangka tidak diiktiraf tetapi didedahkan dalam penyata kewangan. Obligasi yang muncul dari peristiwa yang lepas, yang kewujudannya hanya dapat disahkan melalui berlakunya atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa akan datang yang belum pasti, tidak di bawah kawalan Lembaga keseluruhan juga didedahkan sebagai liabiliti luar jangka melainkan kebarangkalian aliran keluar sumber ekonomi adalah kecil.
- 3.12.2 Aset luar jangka adalah aset yang berkemungkinan wujud daripada peristiwa lalu yang kewujudannya akan hanya disahkan apabila berlaku atau tidak berlakunya satu atau lebih peristiwa yang tidak pasti pada masa hadapan yang bukan dalam kawalan penuh Lembaga. Lembaga tidak mengiktiraf aset luar jangka dalam penyata kewangan tetapi mendedahkan kewujudannya di mana aliran masuk manfaat ekonomi adalah berkemungkinan, tetapi tidak pasti.

3.13 Liabiliti kewangan

- 3.13.1 Liabiliti kewangan diiktiraf dalam penyata kedudukan kewangan apabila Lembaga menjadi pihak kepada peruntukan kontrak instrumen.
- 3.13.2 Pada pengiktirafan awal, liabiliti kewangan adalah diukur pada nilai saksama, termasuk kos urusniaga untuk liabiliti kewangan yang tidak diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan, yang terlibat secara langsung di dalam mengisu liabiliti kewangan.
- 3.13.3 Selepas pengiktirafan awal, liabiliti kewangan dikelaskan kepada salah satu daripada dua kategori liabiliti kewangan iaitu liabiliti kewangan diukur pada nilai saksama menerusi lebihan atau kurangan dan pinjaman belum bayar.
- 3.13.4 Lembaga mempunyai kategori liabiliti kewangan seperti berikut :

(i) Pinjaman dan Belum Bayar

Selepas pengiktirafan awal, pinjaman dan belum bayar adalah diukur pada kos dilunaskan menggunakan kaedah faedah berkesan. Keuntungan atau kerugian diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan apabila liabiliti kewangan dinyahiktiraf atau dirosot nilai.

Kaedah faedah berkesan adalah kaedah untuk mengira kos dilunaskan liabiliti kewangan dan untuk memperuntukan perbelanjaan faedah ke atas tempoh yang berkaitan. Kadar faedah berkesan adalah kadar diskaun anggaran pembayaran tunai masa depan yang tepat menerusi jangka hayat liabiliti kewangan atau, apabila sesuai, tempoh yang lebih singkat, dengan nilai dibawa liabiliti kewangan tersebut.

- 3.13.5 Penyahiktirafan liabiliti kewangan

Liabiliti kewangan dinyahiktiraf apabila obligasi yang dinyatakan dalam kontrak telah dilepaskan, dibatalkan atau tamat hayat.

Sebarang perbezaan di antara nilai dibawa liabiliti kewangan yang dinyahiktiraf dan pertimbangan dibayar adalah diiktiraf di dalam penyata prestasi kewangan dalam tempoh penyahiktirafan.

3. Dasar Perakaunan (Sambungan)

3.14 Pertimbangan perakaunan kritikal dan sumber utama ketidakpastian anggaran

3.14.1 Pertimbangan perakaunan kritikal

Tiada sebarang pertimbangan perakaunan kritikal selain yang dinyatakan di bawah, yang mempunyai kesan ketara ke atas jumlah yang diiktiraf di dalam penyata kewangan.

i) Lembaga sebagai pemberi pajak

Lembaga telah memasuki beberapa perjanjian pajakan di mana Lembaga adalah pemberi pajak. Lembaga telah menetapkan, berdasarkan penilaian terhadap terma dan syarat perjanjian bahawa ia mengekalkan semua risiko dan ganjaran pemilikan aset dan mengakaunkan perjanjian pajakan tersebut sebagai pajakan operasi.

3.14.2 Sumber utama ketidakpastian anggaran

Anggaran utama berkenaan masa hadapan, dan lain-lain sumber utama ketidakpastian anggaran pada tarikh pelaporan, yang mempunyai risiko ketara yang akan menyebabkan pelarasan penting terhadap nilai dibawa aset dan liabiliti di dalam tahun kewangan seterusnya adalah seperti berikut:

i) Kerugian Rosotnilai bagi Akaun Belum Terima

Lembaga menilai pada setiap tarikh pelaporan sama ada terdapat sebarang bukti objektif bahawa aset kewangan terjejas. Untuk menentukan sama ada terdapat bukti objektif rosotnilai, Lembaga menganggap faktor seperti ketidakmampuan bayar siberhutang dan keingkaran atau kelewatan pembayaran yang ketara. Jika terdapat bukti objektif kemerosotan nilai, jumlah dan masa aliran tunai masa depan dianggarkan berdasarkan sejarah pengalaman kerugian untuk aset yang mempunyai ciri-ciri risiko kredit yang serupa.

ii) Perubahan Anggaran Jangka Hayat bagi Hartanah, Loji dan Peralatan

Semua hartanah, loji dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus sepanjang jangka hayat aset tersebut. Perubahan dalam anggaran corak penggunaan aset dan pembangunan teknologi boleh memberi kesan kepada jangka hayat dan nilai sisa aset tersebut. Ini akan menyebabkan susutnilai aset pada masa hadapan akan disemak semula.

3.15 Pajakan

Lembaga sebagai penerima pajak

Pajakan kewangan memindahkan, sebahagian besar risiko dan ganjaran yang berkaitan dengan pemilikan aset yang dipajak kepada Lembaga sebagai penerima pajak. Pengiktirafan awal untuk pajakan kewangan mengiktiraf aset dan liabiliti pada amaun terendah antara nilai saksama aset yang dipajak dan nilai kini bayaran pajakan minimum.

Selepas pengiktirafan awal, pembayaran pajakan dibahagikan antara caj kewangan dan pengurangan liabiliti pajakan untuk mencapai kadar faedah yang berterusan ke atas baki liabiliti. Caj kewangan diiktiraf sebagai kos kewangan dalam penyata prestasi kewangan.

Aset yang dipegang di bawah pajakan kewangan disusutnilai sepanjang hayat berguna aset tersebut. Walau bagaimanapun, jika tidak ada kepastian yang munasabah bahawa Lembaga akan memperoleh pemilikan aset tersebut pada akhir tempoh pajakan, aset itu disusutnilai sepanjang jangka masa hayat berguna yang dianggarkan dan tempoh pajakan.

Pajakan operasi, mengekalkan sebahagian besar risiko dan ganjaran pemilikan pemberi pajak. Ia diiktiraf secara sistematik sepanjang tempoh pajakan. Penambahbaikan pegangan pajakan dipermodalkan dan kosnya dilunaskan sepanjang baki tempoh pajakan atau anggaran usia guna penambahbaikan dengan mengambil tempoh yang lebih pendek. Insentif pajakan yang diterima diiktiraf dengan kadar sama rata ke atas jangka masa pajakan sebagai pengurangan belanja sewa.

3. Dasar Perakaunan (Sambungan)

3.15 Pajakan (Sambungan)

Lembaga sebagai pemberi pajak

Pajakan di mana Lembaga tidak memindahkan sebahagian besar risiko dan faedah pemilikan sesuatu aset dikelaskan sebagai pajakan operasi. Kos langsung awal yang ditanggung dalam rundingan pajakan operasi ditambah kepada jumlah bawaan aset yang dipajak dan diiktiraf dalam tempoh pajakan.

3.16 Belanja

Belanja am

Belanja diiktiraf dalam tempoh ia berlaku atau dikenakan.

Belanja kos kewangan

Belanja kos kewangan akan dicajkan di dalam penyata prestasi kewangan.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

4. Urusniaga pertukaran belum terima

Tempoh kredit Lembaga kebiasaannya di antara 30 hingga 90 hari (2018: 30 hingga 90 hari). Lain-lain terma kredit dinilai dan diluluskan mengikut kes demi kes.

	2019 RM	2018 RM
Penghutang sewa pajakan tambahan	64,800	64,800

Analisa pengumuran urusniaga pertukaran belum terima adalah seperti berikut:

	2019 RM	2018 RM
Tidak rosot atau melepasi tempoh kena dibayar	-	64,800
Melepasi tempoh kena bayar dan tidak dirosot nilai	64,800	-
	64,800	64,800

5. Pelbagai akaun belum terima dan deposit

	Nota	2019 RM	2018 RM
Penghutang terakru	a	-	119,346
Keuntungan dari pelaburan belum terima		60	-
Deposit cagaran sewa bangunan		30,612	30,612
Deposit cagaran elektrik		13,806	13,806
		44,478	163,764

(a) Penghutang terakru merupakan baki bantuan kewangan daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu yang belum diterima.

6. Pelaburan jangka pendek

	2019 RM	2018 RM
CIMB Bank Berhad	200,034	1,230,000

Kadar purata keuntungan pada tarikh penyata kedudukan kewangan adalah 2.45% seminggu.

7. Baki di bank

	2019 RM	2018 RM
CIMB Bank Berhad	24,583	41,039

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

8. Hartanah, loji dan peralatan

Kos	Baki Pada	Pertambahan	Pelarasan	Hapuskira	Baki Pada
	01.01.2019				31.12.2019
	RM	RM	RM	RM	RM
Perkakas pejabat, perisian komputer dan lain-lain	141,181	9,300	-	(2,080)	148,401
Kenderaan bermotor	465,699	-	(2,300)	-	463,399
Perabot dan kelengkapan	60,040	-	-	-	60,040
	666,920	9,300	(2,300)	(2,080)	671,840

Susutnilai	Baki Pada	Susutnilai	Pelarasan	Hapuskira	Baki Pada
	01.01.2019				Tahun Semasa
	RM	RM	RM	RM	RM
Perkakas pejabat, perisian komputer dan lain-lain	12,610	19,195	-	(416)	31,389
Kenderaan bermotor	144,972	93,140	(1,188)	-	236,924
Perabot dan kelengkapan	6,588	6,004	-	-	12,592
	164,170	118,339	(1,188)	(416)	280,905

Kos	Baki Pada	Pertambahan	Pelarasan	Hapuskira	Baki Pada
	01.01.2018				31.12.2018
	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	528,890	-	(528,890)	-	-
Perkakas pejabat, perisian komputer dan lain-lain	9,350	131,831	-	-	141,181
Kenderaan bermotor	465,699	-	-	-	465,699
Perabot dan kelengkapan	16,280	43,760	-	-	60,040
	1,020,219	175,591	(528,890)	-	666,920

Susutnilai	Baki Pada	Susutnilai	Pelarasan	Hapuskira	Baki Pada
	01.01.2018				Tahun Semasa
	RM	RM	RM	RM	RM
Bangunan	1,512	-	(1,512)	-	-
Perkakas pejabat, perisian komputer dan lain-lain	78	12,532	-	-	12,610
Kenderaan bermotor	51,832	93,140	-	-	144,972
Perabot dan kelengkapan	271	6,317	-	-	6,588
	53,693	111,989	(1,512)	-	164,170

Nilai Dibawa	Baki Pada	Baki Pada
	31.12.2019	31.12.2018
	RM	RM
Bangunan	-	-
Perkakas pejabat, perisian komputer dan lain-lain	117,012	128,571
Kenderaan bermotor	226,475	320,727
Perabot dan kelengkapan	47,448	53,452
	390,935	502,750

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

9. Bantuan kewangan

Tempoh kredit Lembaga kebiasaannya di antara 30 hingga 90 hari (2018: 30 hingga 90 hari). Lain-lain terma kredit dinilai dan diluluskan mengikut kes demi kes.

	2019 RM	2018 RM
Bantuan kewangan daripada Lembaga Pelabuhan Bintulu	6,510,898	6,194,001

Dianalisa seperti berikut:

	2019 RM	2018 RM
Semasa	1,000,000	1,000,000
Bukan semasa	5,510,898	5,194,001
	<u>6,510,898</u>	<u>6,194,001</u>

Seperti yang dinyatakan dalam Kertas Keputusan No.4/2017 - Kertas Cadangan Untuk Menyemak Semula Peruntukan Dana Permulaan Bagi Penubuhan Lembaga Pelabuhan Labuan melalui perluasan kuasa Lembaga Pelabuhan Bintulu (LPB) di bawah Akta Pelabuhan Bintulu (Akta 243) di mana:-

Mesyuarat bersetuju dan meluluskan cadangan geran permulaan (start up grant) berjumlah RM3,000,000 setahun bagi tempoh 2 tahun kepada Lembaga dalam bentuk geran dan bukannya pinjaman. Mesyuarat menyarankan supaya Lembaga mensasarkan Indeks Prestasi Utama sendiri untuk menjana pendapatan sendiri dan tidak bergantung kepada Lembaga Pelabuhan Bintulu setelah tempoh 2 tahun tersebut tamat.

Mesyuarat juga mengambil maklum bahawa Lembaga Pelabuhan Bintulu boleh memperoleh pulangan daripada geran permulaan ini melalui :-

- (a) Caj yuran pengurusan setiap tahun terhadap Lembaga kerana menggunakan kepakaran kakitangan Lembaga Pelabuhan Bintulu untuk mengawalselia dan mengendalikan Pelabuhan Labuan; dan
- (b) Mengenakan mekanisme profit sharing kepada Lembaga

YB Menteri Pengangkutan mempunyai kuasa untuk tidak meneruskan perluasan kuasa di bawah Seksyen 66A(1) Bahagian VIIA, Akta Lembaga Pelabuhan Bintulu (Akta 243) sekiranya didapati prestasi Lembaga kurang memuaskan.

Terminologi 'geran permulaan' ini telah dipinda kepada 'bantuan kewangan' kerana geran hanya diberikan oleh Kerajaan kepada agensi di bawahnya dan bukannya agensi kepada agensi. Geran permulaan ini adalah lebih kepada bantuan kewangan yang diberikan oleh Lembaga Pelabuhan Bintulu kepada Lembaga sebagai sumber kewangan untuk membiayai operasi Lembaga.

Bantuan kewangan ini dikenakan kadar keuntungan sebanyak 5% setahun dan tidak bercagar.

10. Urus niaga pertukaran belum bayar

Kewujudan urusniaga pertukaran belum bayar adalah disebabkan bayaran belum dapat dilaksanakan kepada salah satu penghutang perniagaan iaitu Capitol Hotel Sdn Bhd atas sebab maklumat nombor akaun bank yang telah dikemaskini belum diterima. Pembayaran hanya dapat dilaksanakan pada 10 Januari 2020 sebaik sahaja memperoleh nombor akaun bank yang betul.

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

11. Liabiliti cukai tertunda

	2019	2018
	RM	RM
Hartanah, loji dan peralatan:		
Baki pada 01 Januari	20,473	-
Pindahan ke penyata prestasi kewangan (Nota 17)	1,246	20,473
Baki pada 31 Disember	21,719	20,473

12. Urusniaga pertukaran

	2019	2018
	RM	RM
Sewaan	777,600	907,200
Keuntungan dari pelaburan	22,415	791
Lain-lain	3,672	10
	803,687	908,001

13. Perkhidmatan dan bekalan

	2019	2018
	RM	RM
Perbelanjaan perjalanan dan sara hidup	560,418	761,602
Pengangkutan barang-barang	2,820	-
Perhubungan dan utiliti	1,934	837
Sewaan	190,457	185,107
Bekalan bahan mentah dan bahan untuk penyelenggaraan pembaikan	3,106	4,063
Bekalan dan bahan-bahan lain	2,165	171
Penyelenggaraan dan pembaikan kecil yang dibeli	26,596	229,258
Perkhidmatan ikhtisas dan lain yang dibeli dan hospitaliti	1,162,962	1,019,195
	1,950,458	2,200,233

14. Perbelanjaan lain-lain

	2019	2018
	RM	RM
Cukai, cukai tanah, pintu, jalan, GST, dan duti setem	1,374	1,237
Insuran	9,370	12,149
Komisen dan caj bank	207	6
Yuran persatuan	1,590	-
	12,540	13,392

15. Kos kewangan

	2019	2018
	RM	RM
Keuntungan dikenakan dari bantuan kewangan	316,897	194,001

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

16. Kurangan sebelum cukai

Kurangan sebelum cukai diperolehi selepas dicajkan yuran juruaudit berjumlah RM26,035 (2018: RM25,584.99).

17. Cukai

	2019 RM	2018 RM
Cukai korporat	-	-
Cukai tertunda (Nota 11):		
Berkaitan dengan pengiktirafan dan pembalikan semula perbezaan masa sementara	1,395	6,767
(Terlebih)/Terkurang peruntukan cukai tertunda tahun sebelum	(149)	13,706
	1,246	20,473

Penyesuaian perbelanjaan cukai dengan kerugian perakaunan adalah seperti berikut:

	2019 RM	2018 RM
Kurangan sebelum cukai	(1,596,211)	(1,611,614)
Cukai pada kadar cukai pendapatan semasa sebanyak 24%	(383,091)	(386,787)
Perbelanjaan yang tidak dibenarkan untuk tujuan cukai	32,440	70,822
(Terlebih)/Terkurang peruntukan cukai tertunda tahun sebelum	(149)	13,706
Aset cukai tertunda yang belum diiktiraf	352,046	322,732
	1,246	20,473

Tertakluk kepada kelulusan Lembaga Hasil Dalam Negeri, aset cukai tertunda berikut tidak diiktiraf kerana ketidakpastian untuk digunakan pada masa hadapan.

	2019 RM	2018 RM
Kurangan yang belum digunakan	3,078,851	1,676,343
Elaun modal yang belum diserap	245,879	181,531

18. Sumber manusia

Bagi tahun kewangan berakhir 2019, Lembaga tidak mempunyai pegawai dan kakitangan tetap. Operasi Lembaga diuruskan oleh pegawai dan kakitangan Lembaga Pelabuhan Bintulu secara giliran seperti berikut:-

	2019 Jumlah	2018 Jumlah
Kumpulan Pengurusan Tertinggi	1	1
Kumpulan Pengurusan dan Profesional	28	28
Kumpulan Pelaksana	57	57

19. Ganjaran kakitangan penting pihak pengurusan

Kakitangan penting pihak pengurusan adalah mereka yang mempunyai kuasa dan tanggungjawab untuk perancangan, arahan dan kawalan ke atas aktiviti- aktiviti Lembaga sama ada secara langsung atau tidak langsung. Kakitangan penting pihak pengurusan terdiri daripada ahli-ahli lembaga pengarah yang dilantik oleh Y.B. Menteri Pengangkutan.

	2019	2018
	RM	RM
Jumlah ganjaran	329,233	303,867
Jumlah kakitangan penting pihak pengurusan	10 orang	10 orang

20. Instrumen kewangan - Dasar risiko kewangan

20.1 Objektif dan polisi risiko pengurusan kewangan

Dasar pengurusan risiko kewangan Lembaga bertujuan untuk memastikan bahawa terdapatnya sumber kewangan yang mencukupi untuk pembangunan perniagaan, menguruskan risiko kredit, risiko pasaran dan risiko kecairan. Lembaga beroperasi di bawah garis panduan yang telah ditetapkan dengan jelas yang diluluskan oleh ahli lembaga pengarah dan dasar Lembaga adalah untuk tidak melibatkan Lembaga dalam urusniaga yang bersifat spekulatif.

20.2 Risiko Kredit

Risiko kredit atau risiko pihak ketiga gagal membayar, dikawal dengan penerapan tatacara kelulusan kredit, had dan pengawasan yang ketat. Risiko kredit diminimumkan dan diawasi secara ketat dengan menghadkan kerjasama Lembaga dengan rakan perniagaan yang mempunyai kepercayaan kredit yang tinggi. Siberhutang diawasi secara berterusan melalui tatacara pelaporan pengurusan Lembaga.

Lembaga tidak mempunyai pendedahan yang besar terhadap mana-mana pelanggan individu atau pihak ketiga mahupun sebarang penumpuan besar bagi risiko kredit yang berkaitan dengan sebarang instrumen kewangan selain yang dinyatakan di dalam nota yang berasingan.

20.3 Risiko pasaran

Risiko pasaran adalah risiko perubahan harga pasaran seperti kadar faedah, yang mempengaruhi pendapatan Lembaga atau nilai pegangan instrumen kewangannya. Objektif pengurusan risiko pasaran adalah untuk mengurus dan mengawal pendedahan risiko pasaran dalam parameter yang boleh diterima, sambil mengoptimumkan pulangan atas risiko. Kadar faedah purata wajaran dan profil matang pada instrumen kewangan pada 31 Disember 2019 adalah seperti berikut:

	Kadar Faedah	2019	2018
	Purata Berwajaran	RM	RM
	%		
Aset kewangan			
Pelaburan jangka pendek	2.45%	200,034	1,230,000
Baki di bank	1.00%	24,583	41,039
		224,617	1,271,039
Liabiliti kewangan			
Bantuan kewangan	5.00%	5,510,898	5,194,001

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

20. Instrumen kewangan - Dasar risiko kewangan (Sambungan)

20.3 Risiko pasaran (Sambungan)

Analisa kepekaan kadar faedah

Sekiranya kadar faedah purata berwajaran pada 31 Disember 2019 adalah 100 mata asas lebih tinggi atau lebih rendah, pendapatan faedah dan perbelanjaan faedah akan terjejas seperti berikut:

	Peningkatan/ (Pengurangan) Mata Asas %	(Pengurangan)/Peningkatan Kurangan Dalam Tahun RM	RM
Pada 31 Disember 2019			
Pelaburan jangka pendek	+100/-100	(6,901)	(2,900)
Baki di bank	+100/-100	(492)	-
Bantuan kewangan	+100/-100	330,654	220,436
		<u>323,261</u>	<u>217,535</u>
Pada 31 Disember 2018			
Pelaburan jangka pendek	+100/-100	(42,435)	(17,835)
Baki di bank	+100/-100	(821)	-
Bantuan kewangan	+100/-100	311,640	207,760
		<u>268,384</u>	<u>189,925</u>

20.4 Risiko kecairan

Risiko kecairan adalah risiko bahawa Lembaga akan menghadapi kesukaran dalam memenuhi kewajipan kewangan oleh kerana kekurangan dana. Pendedahan Lembaga kepada risiko kecairan wujud daripada perbezaan dalam kematangan liabiliti kewangan. Jadual di bawah menunjukkan profil kematangan liabiliti Lembaga pada tarikh laporan berdasarkan obligasi pembayaran semula tanpa diskaun kontrak.

	Dalam tempoh setahun RM	Lebih tempoh setahun RM	Jumlah RM
Pada 31 Disember 2019			
Perbelanjaan terakru	142,845	-	142,845
Bantuan kewangan	1,000,000	5,510,898	6,510,898
	<u>1,142,845</u>	<u>5,510,898</u>	<u>6,653,743</u>
Pada 31 Disember 2018			
Perbelanjaan terakru	141,578	-	141,578
Bantuan kewangan	1,000,000	5,194,001	6,194,001
	<u>1,141,578</u>	<u>5,194,001</u>	<u>6,335,579</u>

Lembaga mengurus risiko kecairan dengan memastikan tunai yang mencukupi dan menyediakan dana yang cukup bagi memenuhi komitmen daripada perbelanjaan operasi dan liabiliti kewangan.

20. Instrumen kewangan - Dasar risiko kewangan (Sambungan)

20.5 Pengurusan risiko modal

Objektif utama mengurus modal Lembaga adalah untuk memastikan terdapat tunai yang mencukupi untuk menyokong keperluan pembiayaan Lembaga, termasuk perbelanjaan modal, untuk memastikan bahawa Lembaga kekal kukuh dari segi kewangan. Lembaga sentiasa memantau aliran tunainya bagi memastikan setiap komitmen Lembaga dapat dipenuhi.

20.6 Nilai saksama

Nilai saksama aset dan liabiliti kewangan adalah amaun di mana instrumen itu boleh ditukar dalam urusan niaga semasa antara pihak yang berminat, selain daripada dalam penjualan paksa atau pembubaran. Nilai saksama aset kewangan dan liabiliti kewangan menyamai nilai saksamanya kerana ia mempunyai tempoh yang singkat.

21. Nota Bagi Penyata Perbandingan Bajet Dan Sebenar

Bajet Lembaga telah diluluskan dan dibentangkan atas asas tunai bagi tempoh kewangan dari 01 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019. Bajet asal iaitu Cadangan Bajet Tahun 2019 Lembaga Pelabuhan Labuan (LPL) tidak dapat dibentangkan ke mesyuarat Jawatankuasa Kewangan & Perancangan dan Lembaga Pengarah Lembaga oleh sebab sehingga tarikh 28 Disember 2018, Pengerusi masih belum dilantik dan kuorum mesyuarat yang tidak mencukupi. Cadangan bajet ini diangkat untuk kelulusan YB Menteri Pengangkutan Malaysia melalui surat rujukan (2)d/m.LPL/400-2/1/1 Jld.2 bertarikh 28 Disember 2018 dan telah diluluskan melalui surat rujukan MOT.400-4/1/28 (10) bertarikh 27 Februari 2019.

Belanjawan Lembaga disediakan dengan menggunakan asas yang berlainan daripada penyediaan penyata kewangan. Penyata kewangan disediakan pada asas akrual manakala bajet disediakan pada asas tunai. Jumlah dalam penyata kewangan ini telah disusun semula dari asas akrual kepada asas tunai dan dikelaskan semula dengan pembentangan berada pada asas yang sama sepertimana bajet yang telah diluluskan. Perbandingan jumlah bajet dan sebenar, yang disediakan secara perbandingan dengan bajet yang diluluskan, kemudiannya dibentangkan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar. Selain perbezaan asas ini, pelarasan kepada jumlah dalam penyata kewangan juga dibuat untuk perbezaan dalam format dan klasifikasi yang diterima pakai bagi pembentangan penyata kewangan dan bajet yang diluluskan.

Perbezaan masa wujud apabila tempoh bajet disediakan berbeza daripada tempoh kewangan penyata kewangan ini disediakan.

Perbezaan entiti wujud apabila bajet tidak mengambilkira program-program atau aktiviti-aktiviti yang tidak direkodkan di dalam penyata kewangan ini.

Penyesuaian antara jumlah sebenar seperti yang dinyatakan di dalam penyata perbandingan bajet dan sebenar dan jumlah sebenar dalam penyata aliran tunai bagi tahun kewangan berakhir 31 Disember 2019 adalah seperti di bawah:

	Operasi RM	Pelaburan RM	Pembiayaan RM	Jumlah RM
Jumlah sebenar di dalam Penyata Perbandingan Bajet dan Sebenar	(1,476,208)	-	-	(1,476,208)
Perbezaan masa	437,973	(8,188)	0	429,786
Jumlah sebenar di dalam Penyata Aliran Tunai	<u>(1,038,235)</u>	<u>(8,188)</u>	<u>0</u>	<u>(1,046,422)</u>

NOTA-NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN

BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2019

22. ANGKA-ANGKA BANDINGAN

Sebahagian daripada angka-angka bandingan berikut telah diklasifikasikan semula bagi mengambilkira pengklasifikasian di dalam tahun kewangan semasa.

	Seperti Dinyatakan Semula RM	Seperti Dinyatakan Terdahulu RM
Kesan kepada penyata kedudukan kewangan		
Perbelanjaan terakru	141,578	335,579
Bantuan kewangan	5,194,001	6,000,000
	<hr/>	<hr/>
Kesan kepada penyata aliran tunai		
Aliran tunai dari aktiviti operasi	(4,640,754)	1,359,246
Aliran tunai dari aktiviti pembiayaan	6,000,000	-
	<hr/>	<hr/>

23. PERKARA PENTING YANG BERLAKU SELEPAS DARIPADA TEMPOH PELAPORAN

Pada 16 Mac 2020 yang lalu, Kerajaan telah mengumumkan Perintah Kawalan Pergerakan ("PKP") bermula daripada 18 Mac 2020 sehingga 31 Mac 2020 bagi mengekang penularan wabak COVID-19. Tempoh PKP ini kemudiannya telah dilanjutkan sehingga 28 April 2020. Sepanjang tempoh PKP ini, Lembaga telah menutup premisnya bagi segala urusan dengan orang awam. Semua urusan hanya dilakukan dalam talian sahaja. PKP ini telah memberi kesan aliran tunai kepada Lembaga seperti berikut:

PKP yang dijalankan oleh Kerajaan ini tidak memberikan kesan yang ketara ke atas aliran tunai serta operasi Lembaga atas sebab pelabuhan merupakan salah satu perkhidmatan penting yang dibenarkan untuk beroperasi sepenuhnya sepanjang PKP dilaksanakan.

Walau bagaimanapun, tiada pelarasan yang dibuat ke atas aset dan liabiliti Lembaga pada tarikh pelaporan disebabkan oleh kesan PKP kerana PKP yang dilaksanakan oleh Kerajaan adalah untuk membendung penularan wabak COVID-19 dan bukannya disebabkan oleh wabak tersebut. Ahli lembaga pengarah berpendapat bahawa PKP ini tidak memberikan bukti keadaan yang wujud pada akhir tempoh pelaporan dan ia dinilai sebagai peristiwa yang tidak perlu dilaraskan (*non-adjusting events*).

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.

Muka surat ini sengaja dibiarkan kosong.



LEMBAGA PELABUHAN BINTULU

Lembaga Pelabuhan Bintulu

Menara Kidurong, 12th Mile, Jalan Tg. Kidurong
P.O. Box 296, 97007 Bintulu, Sarawak, Malaysia.

Telefon: 086-253888 / 086-232800

Faks: 086-252929

Emel: adminlpb@bpa.gov.my

www.bpa.gov.my
